SEJAK 1971
SUARA DARI MENARA ILMU

BERITA KAMPUS

ISNIN 20 April 2015 | Jilid 44 Bil 10 | RM1.00 | beritakampus44@gmail.com | ISSN 1397-7443

LAPORAN KHAS | Wayang kulit bukan seni yang pudar| 10-11

Mustahil rawat ikut masa

Sejak kebelakangan ini, isu kelewatan menerima rawatan di Pusat Sejahtera menjadi rungutan siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) dalam laman facebook USM Info Sharing Corner.

Pengarah Pusat Sejahtera, Dr Normala Abdul Wahab berkata beliau turut menerima aduan berkenaan isu kelewatan menerima rawatan di Pusat Sejahtera. Kekurangan tenaga staf menyebabkan siswa-siswi terpaksa menunggu mengikut giliran bagi mendapatkan rawatan di Pusat Sejahtera.

Hanya enam doktor berkhidmat di Pusat Sejahtera dan sememangnya ia akan mengambil masa yang lama untuk merawat pesakit sekiranya melibatkan penyakit kronik. Hal ini berlaku kerana Pusat Sejahtera bukan sahaja menawarkan perkhidmatan rawatan untuk siswa-siswi USM tetapi juga kepada staf USM dan juga warga luar kampus.

"Waktu perundingan dengan doktor mungkin memakan masa yang agak lama bagi pesakit luar, staf USM dan juga pelajar antarabangsa yang berkeluarga kerana adakalanya mereka membawa ahli keluarga untuk mendapatkan rawatan. Selain itu, sebilangan daripada mereka juga disarankan untuk mengambil beberapa ujian semasa waktu rundingan", terang beliau.

Sehubungan itu, Dr Normala berkata operasi kaunter pendaftaran terpaksa ditutup buat sementara sekiranya bilangan siswa-siswi melebihi kapasiti pesakit yang dapat dirawat dalam masa sehari. Keadaan ini berlaku walaupun menetapkan kaunter khas buat pesakit kronik.

Menurut Kauthar Abdul Halim, Sains Kemasyarakatan 3, penambahan bilangan doktor dan juga lanjutkan waktu operasi dapat mengatasi kelewatan menerima rawatan. Terdapat juga siswa-siswi yang tidak sempat mendapatkan rundingan dengan Pusat Sejahtera kerana sibuk dengan aktiviti seharian.

"Kesemua doktor yang berkhidmat di Pusat Sejahtera bekerja mula dari pagi sampai 7 petang. Oleh itu, operasi perkhidmatan pada waktu rehat sukar dilaksanakan kerana staf Pusat Sejahtera turut perlukan waktu rehat. Namun, seorang doktor bertugas tetap siap sedia untuk memberikan rawatan kecemasan sekiranya ada kes kemalangan dan serius pada waktu rehat", jelas Dr Normala.

Pusat Sejahtera masih dalam proses memohon untuk doktor tambahan daripada USM. Namun, Pusat Sejahtera hanya boleh menambahkan dua doktor sahaja kerana struktur binaan Pusat Sejahtera hanya diperuntukkan enam bilik rundingan.

"Saya sarankan siswa-siswi mendapatkan rawatan di Poliklinik yang berhampiran bagi mengatasi keadaan ini. Siswa-siswi juga digalakkan untuk mengamalkan gaya hidup dan amalan pemakanan serta mendapatkan rawatan dengan segera sekiranya mengalami masalah kesihatan", kata Dr Normala ketika ditemui Berita Kampus.



AKSI HEBAT Kumpulan Gendang 24 Musim ketika Malam Kung Fu ke-38 yang bertemakan 'Impervious Art' yang diadakan pada 11 April 2015 yang lalu di Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP), Universiti Sains Malaysia (USM) yang dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Profesor Dato' Suzy See Ching Mey.
GAMBAR OLEH LEE KAM FEI.

Kritikan AUKU perlu berasas

Oleh **SHANGITHA SADAYAN**

Segelintir siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) mempersoalkan kredibiliti Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) melalui laman sosial facebook dan masih ada yang tidak sedar akan kewujudannya.

Menurut Timbalan Penasihat Undang-undang, Pejabat Perundangan, Mohd Izwan Hamdan, AUKU memainkan peranan penting sebagai garis panduan kepada siswa-siswi USM dan harus dipatuhi pada sepanjang masa.

"Jikalau siswa-siswi persoalkan kredibiliti AUKU melalui laman sosial, sebarang maklum balas daripada USM tidak dapat diberikan melalui saluran yang sama kerana ia bukan langkah yang tepat untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi sebaliknya perbincangan secara bersemuka dengan mereka adalah terbaik", jelasnya.

"Siswa-siswi tidak wajar mempersoalkan kredibiliti AUKU tanpa sebarang bukti yang sahih. Kritikan terhadap AUKU perlulah relevan dan bersifat membina ke arah kebaikan bersama. Siswa-siswi mempunyai kebebasan bersuara tetapi haruslah disalurkan melalui medium yang tepat", tambahnya lagi.

Tengku Fatin, Bahasa, Literasi dan Terjemahan 3, berkata bahawa segala kritikan siswa-siswi terhadap kredibiliti AUKU tidak boleh melampaui batas yang ditetapkan dan dianggap tidak wajar tanpa sebarang alasan yang kukuh.

Mohd Izwan menambah bahawa siswa-siswi kurang sedar terhadap kewujudan AUKU walaupun telah diberi pendedahan secara holistik ketika Minggu Siswa Lestari.

"Siswa-siswi seharusnya mendalami intipati AUKU sebelum membuat sebarang kritikan dan tidak bertindak sewenang-wenangnya dengan meluahkan rasa tidak puas hati melalui media sosial. Mereka perlulah merujuk kepada Pejabat Perundangan sekiranya mengalami sebarang masalah berkenaan AUKU agar langkah penyelesaian dapat diambil dengan segera", katanya lagi.

"Pendedahan terhadap AUKU perlulah dilakukan dari semasa ke semasa agar siswa-siswi sedar akan kewujudannya seterusnya membuka ruang kepada mereka untuk memahami intipati AUKU secara lebih mendalam", tambah Tengku Fatin.

Kritikan terhadap AUKU perlulah relevan dan bersifat membina ke arah kebaikan bersama.

Hidup sihat bermula dari diri sendiri

Jangka hayat kita hanya 70 hingga 80 tahun manakala jangka hayat nenek moyang kita boleh mencapai sehingga 100 tahun. Pernahkah anda terfikir tentang kewujudan perbezaan yang ketara ini? Kita tidak sedar bahawa gaya hidup mempengaruhi perkara ini. Gaya hidup kini yang pantas dan segera hanya sekadar memuaskan hati.

Tabiat makan makanan segera, tidur yang tidak mencukupi, merokok dan minum arak adalah contoh gaya hidup yang tidak sihat dan sememangnya perlu dielakkan. Ia menyebabkan kita lupa akan betapa pentingnya gaya hidup yang sihat.

Faktor utama yang sering kita salahkan ialah masa. Sikap tidak mengambil berat tentang kepentingan masa menyebabkan kita tidak mempraktikkan gaya hidup sihat. Kita sering menyalahkan kesibukan aktiviti harian sehingga mengabaikan waktu makan yang tepat. Kadang-kala, ada yang tidak menjamah makanan langsung.

Lebih teruk lagi, terdapat individu yang mengambil makanan segera atau makanan ringan kerana ia lebih cepat dan mudah didapati. Mereka tidak pernah memikirkan kesannya pada masa akan datang.

Ketaksuban terhadap penggunaan teknologi juga antara faktor kita mengabaikan gaya hidup sihat. Sesetengah berpendapat dengan adanya teknologi, ia sudah memadai untuk kita teruskan kehidupan.

Bagi mereka teknologi dapat memenuhi setiap keperluan dari segi kepuasan hidup sehingga ada yang menganggap tanpa teknologi, mereka tidak boleh hidup.

Ia jelas menunjukkan bahawa teknologi lebih penting daripada kehidupan yang sihat. Lebih menyedihkan ada juga yang tidak berinteraksi sehingga menjadi individu yang pasif terutamanya pengguna dan pemain permainan online yang tegar. Bagi mereka fokus hidup hanya di situ. Mereka juga dilihat seperti hidup di dunia sendiri. Hal-hal sebegini yang mendorong kepada penyakit obesiti kerana tidak mengamalkan gaya hidup sihat.

Cuba kita berfikir sejenak, yang mana satu lebih penting dan memberi kebaikan dalam kehidupan, sama ada kesihatan yang baik dan gembira atau kegembiraan palsu yang dibawa oleh teknologi?

Kita sering kali menyalahkan orang atau faktor lain tapi bukankah kesalahan tersebut berpunca daripada diri kita sendiri? Kita yang memilih sendiri gaya hidup kita. Tambahan pula, kita yang sepatutnya bertanggungjawab ke atas tindakan kita sendiri. Apa yang boleh kita lakukan? Ubah gaya hidup kita, uruskan masa dengan baik.

Rancang jadual harian dan aplikasikannya dalam kehidupan seharian. Lama-kelamaan, ia akan menjadi satu rutin yang wajib dilakukan dalam kehidupan. Justeru, kita harus mengambil langkah untuk memperbaiki kehidupan kita sendiri. Segala-galanya bermula dari diri sendiri. Kalau bukan kita yang ubah, siapa lagi?

Cuba kita berfikir sejenak, yang mana satu lebih penting dan memberi kebaikan dalam kehidupan, sama ada kesihatan yang baik dan gembira atau kegembiraan palsu yang dibawa oleh teknologi?

Makan untuk sihat

Rakyat Malaysia sangat bertuah kerana dilahirkan di dalam sebuah negara makmur yang digelar syurga makanan. Jika negara lain mengalami kebuluran kerana kekurangan makanan, Malaysia tidak pernah putus makanan. Makanan sangat penting kerana ia menjamin kelangsungan hidup seseorang. Namun, perlu diingat kerana makanan juga manusia boleh berhadapan dengan ancaman kematian.

Menteri Kesihatan, Dato Seri Dr S. Subramaniam menyatakan dalam laporan Utusan Malaysia, kadar penghidap penyakit tidak berjangkit (NCD) semakin meningkat iaitu 63 peratus orang dewasa berusia 18 tahun ke atas menghidap sekurang-kurangnya satu NCD seperti darah tinggi, obesiti, kolesterol dan diabetes.

World Health Organization (WHO) menyatakan peningkatan indeks jisim badan adalah antara faktor utama kebanyakan penyakit NCD seperi penyakit kardiovaskular, diabetes dan sesetengah barah seperti barah payudara, kolon dan endometrial. Jelas di sini amalan pemakanan yang sihat amat penting. Piramid makanan wajar dijadikan rujukan untuk pemakanan seimbang. Manusia memerlukan kombinasi makanan yang pelbagai untuk mendapat semua zat.

Pentingnya pemakanan yang seimbang dan sihat ini dapat dilihat apabila WHO melancarkan Hari Kesihatan Dunia 2015 dengan tema "Food Safety". Hari ini disambut pada setiap 7 April di seluruh dunia. Hal ini membuktikan dunia juga memberi perhatian terhadap pemakanan yang sihat kerana makanan yang tercemar mampu membuatkan ekonomi negara tergugat seperti yang berlaku di Jerman apabila petani dan industri pertanian mengalami kerugian sebanyak US$1.3 bilion akibat penularan E.coli.

WHO melaporkan makanan yang tidak sihat mampu menyebabkan 200 penyakit yang tahapnya bermula daripada cirit-birit sehingga kepada penyakit barah. Makanan yang tidak sihat ini mungkin mengandungi bakteria, virus, parasit atau bahan kimia yang berbahaya. Terdapat 582 juta kes dilaporkan terdiri daripada penyakit yang berpunca daripada makanan dan mencatatkan 351 000 kematian.

Bahan kimia adalah antara bahan utama yang digunakan dalam penghasilan makanan terutamanya sebagai bahan pengawet. Mi segera adalah contoh makanan yang sangat dekat dengan siswa-siswa dan dalam masa yang sama mengandungi pelbagai bahan kimia yang berbahaya termasuk lilin.

Walaupun ia mengandungi pelbagai bahan yang berbahaya, ia masih menjadi pilihan siswa-siswi atas alasan kesempitan wang. Kesempitan wang tidak seharusnya dijadikan alasan kerana makanan adalah satu keperluan yang sangat penting. Tanpa makanan yang sihat, badan akan lemah dan produktiviti sebagai seorang siswa-siswi akan menurun.

Masalah kesempitan wang mungkin boleh diatasi dengan mengurangkan perbelanjaan dalam aktiviti lain. Siswa-siswi juga perlu bijak berbelanja supaya tidak menghadapi masalah sehingga perlu mengambil inisiatif lain yang tidak sihat seperti pengambilan makanan segera.

Kesimpulannya, pemakanan yang sihat amat penting kerana ia mempengaruhi kualiti prestasi diri. Prestasi yang berkualiti akan menjamin produktiviti yang tinggi dan seterusnya memberi kepuasan maksimum dalam kehidupan.

Bersukan demi kesihatan

Bersukan merupakan salah satu bentuk aktiviti fizikal yang baik untuk kesihatan tubuh badan. Adakah anda tahu tentang kepentingan bersukan?

Terdapat beberapa kepentingan bersukan untuk kesihatan iaitu saluran darah berjalan dengan lancar, mental dan fizikal yang cergas, selepas berehat daripada bersukan, otak menjadi lebih aktif, dan membantu mengimbangkan tenaga badan.

Tidak cukup dengan kegiatan harian, hujung minggu atau waktu terluang, kita juga perlu meringankan badan untuk melakukan aktiviti bersukan. Namun disebabkan oleh kesibukan bekerja, mahupun masalah peribadi, kita sering berasa malas untuk melakukan kegiatan bersukan.

Kehidupan zaman moden ini banyak menggunakan tenaga dalaman dan pemikiran terutama golongan profesional yang sering kali terpaksa mengabaikan kegiatan fizikal kerana kekurangan masa.

Walau bagaimanapun, kita tetap boleh mengekalkan kesihatan walaupun sudah tidak melakukan senaman. Antara kebaikan bersukan adalah dapat meningkatkan stamina, membantu mengawal berat badan, membantu membina tulang dan otot yang sihat, mengawal tekanan darah, tahap kolesterol, mengurangkan tekanan dan meningkatkan keyakinan diri.

Selain itu, jangan terlalu berharapkan kapsul ubat-ubatan untuk kesihatan. Sebaliknya cuba lakukan aktiviti bersukan di luar. Jika tidak sesuai dengan aktiviti bersukan di luar terdapat pelbagai cara lain lagi untuk melakukan aktiviti bersukan dalaman.

Oleh itu, jangan terlalu cepat berputus asa biarpun anda hanya melakukan aktiviti bersukan yang sedikit ataupun dalam masa yang singkat, ini kerana perkara penting adalah anda harus berpeluh ketika bersukan. Berpeluh penting bagi membantu tubuh kita untuk kekal sejuk dan peluh memberi tanda-tanda seseorang itu sihat".

Terdapat beberapa kepentingan bersukan untuk kesihatan iaitu saluran darah berjalan dengan lancar, mental dan fizikal yang cergas, selepas berehat daripada bersukan, otak menjadi lebih aktif, dan membantu mengimbangkan tenaga badan.

LEMBAGA PENASIHAT BERITA KAMPUS

PENGERUSI
Prof Madya Dr Jamilah Haji Ahmad
PENGERUSI RANCANGAN PRASISWAZAH
Dr Nik Norma Nik Hasan
PENSYARAH - RENCANA
Dr Nik Norma Nik Hasan
PENSYARAH - BERITA
Dr Chai Ming Hock
PEMBANTU KHAS
En Abd Rahman Khalid
En Abd Razak Ismail
En Mohd Azmi Ahmad Rahim

SIDANG EDITORIAL
KETUA PENGARANG
Nur Emira Saizali
TIMBALAN KETUA PENGARANG I
Siti Fasriana Shaari
TIMBALAN KETUA PENGARANG II Ian Leondy
KETUA PENYUNTING
Ng Xiang Yi
KETUA ATUR LETAK
Michele Ng Heng Kim
WARTAWAN
Aishah Hanis Azmi
Aliana Hamimi Amran
Asmah Ali
Au Tse En Nicole
Debra Wong Ser Lin
Fan Wei Sin Joyce
Hemawati Somasundharam
Lee Kam Fei
Muhamad Ridzwan Md Ali
Mohamad Hafiz Adisman
Mohamad Afiq Amani Mohamed Nahdirsha
Muhamad Fauzi Samsudin
Muhammmad Suhaib Mohd Shafie
Nabilahaisah Tawang
Nabilah Mad Zom
Nor Khamisah Saidin
Norsyafiqah Zamal Ishak
Nurul Khairiah Mohamed Yusof
Nur Farzana Jasmi
Nur Habibah Nordin
Nur 'Izzah Athira Muhamad Nazmi
Nur Khalidah Abdul Halim
Nur Syahidah Abu Bakri
Nur Shahidatul Shahira Zakaria
Rosamira Ahmad Razali
Shangitha Sadayan
Sharmila Premal
Siti Nazifah Tajudin
Victoria Sofia Francis Victor

ALAMAT Bilik Berita, Balai Media, Pusat Pengajian Komunikasi.
TELEFON +604-653 5071
E-MEL beritakampus44@gmail.com

Berita Kampus ialah akhbar makmal siswa-siswi tahun akhir pengkhususan kewartawanan, Pusat Pengajian Komunikasi, USM dan bukan pendirian dan pandangan rasmi Universiti Sains Malaysia.

Sejak 1971.
Suara Dari Menara Ilmu.

Usaha USM laksana CBP

Oleh **SHANGITHA SADAYAN**

Universiti Sains Malaysia (USM) menjalankan pelbagai usaha untuk melancarkan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP) yang mula berkuatkuasa pada 1 April yang lalu dengan mewujudkan bilik gerakan CBP, portal CBP USM, serta emel rasmi CBP yang memberi manfaat kepada warga kampus.

Menurut Penolong Bendahari, Unit Percukaian Jabatan Bendahari, USM, Nur Yazmin Muhammed, bilik gerakan CBP akan beroperasi sepanjang bulan April sahaja untuk membantu Pusat Tanggungjawab (PTJ) USM khususnya dalam membuat pesanan rasmi.

"Pesanan rasmi oleh PTJ adalah berkaitan dengan belanja yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti yang merangkumi aspek pembelajaran dan pengajaran, perkhidmatan dan pentadbiran, penyelidikan, komersial dan jagaan kesihatan. PTJ akan dibantu dari segi pemilihan kod cukai yang tepat, serta penjelasan lanjut mengenai CBP sekiranya mereka melawat bilik gerakan tersebut", jelasnya lagi.

"Siswa-siswi USM juga dialu-alukan ke bilik gerakan CBP agar mereka mendapat pendedahan yang terperinci mengenai pelaksanaan CBP secara holistik", tambahnya.

Nur Yazmin juga menyatakan bahawa portal rasmi CBP USM bertujuan memberi panduan bukan sahaja kepada warga kampus malah masyarakat luar juga. Segala hebahan dan maklumat berkaitan CBP akan dimuat naik ke dalam portal tersebut dari semasa ke semasa untuk kebaikan bersama.

"Emel rasmi CBP iaitu gst.usm.my pula memainkan peranan penting dalam mendapatkan maklum balas daripada warga kampus berkenaan pelaksanaan CBP di USM", katanya lagi.

Menurut Sindhu Mathi Subramaniam, Sains Kemasyarakatan 2, portal CBP USM adalah inisiatif yang terbaik kerana segelintir warga kampus masih tidak mempunyai pengetahuan secara meluas sejak CBP dilaksanakan.

"Hebahan mengenai portal ini harus dilakukan secara berkala kerana ramai yang masih tidak sedar akan kewujudannya", ujar Sindhu.

Siswa-siswi USM juga dialu-alukan ke bilik gerakan CBP agar mereka mendapat pendedahan yang terperinci mengenai pelaksanaan CBP secara holistik.

Perkhidmatan bas berubah masa mulai 13 April

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Sains Malaysia (USM) dan pihak Unic Leisure Sdn Bhd telah bermesyuarat bagi membincangkan hal mengenai perubahan masa operasi perkhidmatan bas yang dikuatkuasakan 13 April lalu.

Menurut Exco Kebajikan dan Kesejahteraan, Nurceria Husna Mohamad Arif, masa operasi perkhidmatan bas akan dianjakkan 15 minit awal daripada kebiasaannya iaitu mulai seawal 7.15 pagi. Sehubungan dengan itu, perkhidmatan bas ditamatkan lebih awal 15 minit iaitu 11.25 malam berikutan anjakan masa tersebut.

Tambah beliau, perubahan ini bertujuan memudahkan pergerakan siswa-siswi. Bukan itu sahaja, rentetan daripada isu kunci roda baru-baru ini, MPP mengambil inisiatif untuk menambahbaik perkhidmatan bas komuter USM.

"Turut dibincang dalam mesyuarat mengenai jadual rehat pemandu bas, kekerapan pergerakan bas dalam kawasan Kompleks Desasiswa Restu, Saujana dan Tekun (RST), cadangan pemansuhan laluan bas C dan menambah bilangan bas D dan cuba meminta Unic Leisure untuk menyediakan perkhidmatan bas ketika waktu sembahyang Jumaat", katanya kepada Berita Kampus.

Naib Yang Di-Pertua 2 MPP, Goo Chuan Chiew berkata kekerapan pergerakan bas dalam kawasan RST telah pun berkuatkuasa 8 April yang lalu. Namun, perkara yang lain masih dalam perbincangan.

"MPP tidak akan berhenti di sini sahaja, kami akan sentiasa bersiap sedia untuk menjaga kebajikan siswa-siswi supaya dapat merasai kebajikan yang sepatutnya diadakan", katanya.

Tambahnya, sekiranya terdapat sebarang masalah mengenai perkhidmatan bas, siswa-siswi boleh membuat aduan dengan mencatat nombor bas dan menghantar pesan ringkas (SMS) kepada nombor telefon yang dipaparkan di belakang bas tersebut agar Unic dapat memantau prestasi kerja pemandu bas.

Menurut Nuraisyah Ando, Sains Kemasyarakatan 3, anjakan masa operasi perkhidmatan bas ini sememangnya langkah yang baik untuk mengelakkan siswa-siswi daripada terlewat ke kelas dan berebut dengan orang ramai pada awal pagi.

Turut dibincang dalam mesyuarat mengenai jadual rehat pemandu bas, kekerapan pergerakan bas dalam kawasan Kompleks Desasiswa Restu, Saujana dan Tekun (RST), cadangan pemansuhan laluan bas C dan menambah bilangan bas D dan cuba meminta Unic untuk menyediakan perkhidmatan bas ketika waktu sembahyang Jumaat.

PPKT tambahbaik wifi USM

Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi (PPKT) Universiti Sains Malaysia (USM) tidak mengabaikan usaha penambahbaikan kelajuan wifi USM.

Menurut Ketua Unit Khidmat Sokongan, Shahrul Ismi Mohd Akhir, PPKT berjaya memperoleh 134 Wireless Access Point (WAP) yang berteknologi terkini iaitu 802.11ac. WAP ini dirancang dipasang di dewan kuliah dan desasiswa-desasiswa.

"Kita akan meletakkan lebih banyak WAP di Desasiswa Aman Damai dan Fajar Harapan kerana ramai penghuni desasiswa ini yang menghadapi masalah mengakses wifi USMSecure berdasarkan aduan rasmi yang diterima", tambah beliau.

Beliau berkata teknologi 802.11ac lebih tinggi daripada 802.11g yang telah dipasang di desasiswa-desasiswa sejak tahun 2008.

"Teknologi 802.11g ini telah ketinggalan dua zaman daripada teknologi terkini. Teknologi terkini merupakan 802.11ac dan seterusnya 802.11n. 802.11g ialah teknologi sebelum 802.11n", jelas beliau.

Beliau menambah bahawa masalah kepada teknologi WAP 802.11g ini adalah ia mempunyai lebar jalur yang kecil, oleh itu ia tidak mampu menyokong penambahan alat-alat teknologi seperti telefon pintar, komputer riba dan iPad dalam kalangan siswa-siswi.

Cara penggunaan dan penyalahgunaan wifi dalam segelintir pengguna USMSecure juga mendatangkan kesulitan kepada pengguna lain.

Shahrul berkata bahawa penyalahgunaan wifi sememangnya berlaku setiap hari. Ada yang memuat turun video sebanyak 33GB sehingga pengguna yang berkongsi WAP sama tidak dapat mengakses kepada internet.

"Sebagai contoh juga, aplikasi *peer-to-peer* (P2P) tidak dibenarkan dalam USM. Akan tetapi, terdapat siswa-siswi yang mampu melepasi *firewall*, ada yang tersangkut di *firewall*, kedua-dua keadaan ini mampu mengganggu trafik WAP dan seterusnya menyusahkan pengguna untuk mengakses USMSecure", tambah beliau.

Beliau mengatakan dalam usaha untuk mengurangkan penyalahgunaan dalam kalangan siswa-siswi, PPKT akan mengenalpasti akaun siswa-siswi yang menyalahguna USMSecure dan menyekat akaun tersebut daripada akses USMSecure. Hanya selepas siswa-siswi berkenaan datang ke pejabat PPKT untuk memastikan aplikasi yang tidak dibenarkan telah dipadamkan, baru akaun siswa-siswi akan dibuka semula sekatan.

Usaha penambahbaikan WAP ini akan dibuat secara berperingkat, di mana fasa pertama akan bermula pada April 2015, fasa kedua pada Mei dan fasa terakhir dijangka akan siap pada Jun 2015.

Shahrul menasihatkan siswa-siswi USM untuk membuat aduan mengenai masalah wifi secara rasmi melalui servisdesk. Hal ini kerana hanya dengan saluran yang betul dan aduan yang rasmi, PPKT mampu meneliti masalah siswa-siswi secara terperinci. Misalnya, PPKT mampu mengenalpasti WAP yang bermasalah dengan merujuk kepada desasiswa siswa-siswi. Aduan rasmi tersebut juga akan dijadikan sebagai rujukan untuk kerja penambahbaikan pada masa akan datang.

Kita akan meletakkan lebih banyak WAP di Desasiswa Aman Damai dan Fajar Harapan kerana ramai penghuni desasiswa ini yang menghadapi masalah mengakses wifi USMSecure berdasarkan aduan rasmi yang diterima.

Harga tiket bas ekspres belum naik

Siswa-siswi USM boleh menarik nafas lega untuk seketika kerana harga tiket bas ekspres belum dinaikkan dan kenaikan tersebut akan berkuatkuasa pada 15 Mei 2015.

Pengumuman rasmi tersebut dibuat oleh pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam (SPAD), Tan Sri Syed Hamid Albar yang turut mengesahkan kenaikan tambang teksi pada serta merta pada 19 Mac lepas.

MalaysiaKini melaporkan, kadar tambang bas ekspres akan meningkat sebanyak 22.6 peratus, dari 9.3 sen sekilometer kepada 11.4 sen sekilometer.

Menurut Isman Hadi Mohamad Nasir, Pengurus UNI-TAQWA One Stop Center Universiti Sains Malaysia (USM), mereka tidak akan menaikkan harga bas sesuka hati jika pengurusan syarikat bas tidak menaikkan harga.

Harga tiket yang naik mendadak terutamanya ketika perayaan Tahun Baru Cina baru-baru ini, iaitu daripada RM60 hingga RM180 untuk perjalanan satu hala namun bukan untuk semua destinasi. Perkara tersebut secara tidak langsung membuat siswa-siswi bimbang kerana beranggapan ianya adalah harga yang tetap.

"Harga tiket tersebut bukanlah harga yang tetap tetapi ianya mengikut kepada musim perayaan. Ia sudah menjadi kebiasaannya terutamanya dari Pulau Pinang ke Johor Bahru ketika Tahun Baru Cina untuk tempoh masa sebulan sahaja dan selepas itu harga tersebut akan turun seperti biasa", tambahnya kepada *Berita Kampus*.

Isman juga berpesan kepada siswa-siswi tentang kenaikan harga tiket sebelum 15 Mei haruslah dilaporkan kepada SPAD.

Selain itu juga, jika siswa-siswi membeli tiket dari perayu tiket terutamanya di Terminal Bas Sungai Nibong haruslah dipastikan kesahihan harganya.

Kebanyakan mereka memanipulasi harga tiket yang sebenar.

Jika ada syarikat yang menaikkan harga tiket kerana Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), siswa-siswi boleh melaporkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) kerana pengangkutan awam seperti bas dan teksi tidak dikenakan GST.

MalaysiaKini melaporkan, kadar tambang bas ekspres akan meningkat sebanyak 22.6 peratus, dari 9.3 sen sekilometer kepada 11.4 sen sekilometer.

PAMAD 2015

Segelintir penghuni Aman Damai tidak puas hati

Oleh **NUR SHAHIDATUL SHAHIRA ZAKARIA**

Baru-baru ini, Majlis Penghuni Desasiswa Aman Damai (MPDAD) telah mengadakan Karnival Pakat Mai Aman Damai (PAMAD) selama tiga hari bermula 10 April hingga 12 April 2015 yang bertempat di Desasiswa Aman Damai Universiti Sains Malaysia (USM).

PAMAD ialah program tahunan bagi Desasiswa Aman Damai (DAD) yang bertujuan mengajak penghuni-penghuni DAD bersama-sama memeriahkan karnival tersebut dan mengisi masa pada hujung minggu dengan pelbagai aktiviti menarik yang terdapat di karnival tersebut.

Aktiviti yang diadakan melibatkan semua peringkat umur antaranya seperti paintball, masterchef cilik, street soccer, zumba, giant bubble, aman damai mini funfair, congkak, gusti lengan dan banyak lagi aktiviti menarik. Antara gerai yang dibuka semasa PAMAD berlangsung ialah gerai makanan, gerai pakaian, jualan buku, ukiran inai, dan pameran daripada Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM).

Selama karnival PAMAD 2015 berlangsung, penghuni-penghuni DAD menyuarakan isu yang menyatakan bahawa PAMAD tidak memuaskan dan menyusahkan mereka. Hal ini demikian kerana semua gerai makanan menjual makanan ringan seperti keropok lekor, char kuey tiow, bihun sup, dan tokoyaki. Kebanyakan gerai makanan menjual makanan yang sama dan hanya satu gerai sahaja menjual nasi.

"Kedua-dua kafe ditutup dan kami terpaksa mencari nasi di kafe-kafe desasiswa lain. Gerai nasi yang terdapat di karnival PAMAD hanya satu gerai sahaja dan ia menjadi tumpuan ratusan penghuni DAD menyebabkan kami terpaksa menunggu berjam-jam untuk mendapatkan sebungkus nasi", kata salah seorang penghuni Desasiswa Aman, Hazirah Hamid.

Tambahnya lagi, harga makanan yang diletakkan peniaga tidak berbaloi dengan kualiti dan kuantiti yang dijual. Harga yang diletakkan haruslah setanding dengan kuantiti dan rasa makanan tersebut.

Kedua-dua kafe ditutup dan kami terpaksa mencari nasi di kafe-kafe desasiswa lain. Gerai nasi yang terdapat di karnival PAMAD hanya satu gerai sahaja dan ia menjadi tumpuan ratusan penghuni DAD menyebabkan kami terpaksa menunggu berjam-jam untuk mendapatkan sebungkus nasi.

Siswa-siswi salahguna BB1M

Oleh **NUR IZZAH ATIRA MUHAMAD NAZMI**

Baucar Buku 1 Malaysia (BB1M) diedar kepada siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) untuk mereka membeli keperluan seperti buku dan alat tulis. Namun setengah daripada mereka telah menyalahgunakan baucar tersebut bagi membeli kosmetik dan gajet.

Pekerja di kioks jualan gajet dan aksesori di USM, Michael berkata kioks jualan mereka menerima BB1M daripada siswa-siswi untuk pembelian barangan yang bukan daripada buku dan alat tulis. Nilai pembelian bagi barangan kosmetik dan gajet perlu berjumlah RM40 namun bayaran menggunakan baucar perlu berjumlah RM50.

Nur Hasanah, Ilmu Pendidikan 1, menyatakan bahawa dia menggunakan separuh daripada BB1M tersebut untuk membeli buku dan selebihnya gajet seperti kabel telefon bimbit dan kosmetik. Keinginan untuk membeli kosmetik dan gajet timbul kerana dirasakan tidak perlu membayar menggunakan wang tunai walaupun kerugian sebanyak RM10 bagi sekeping baucar.

Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Malaysia (MPPUSM),Exco Kebajikan dan Kesejahteraan Siswa, Chew Wei Wen berkata penyalahgunaan ini tidak sepatutnya terjadi kerana siswa-siswi sepatutnya menggunakan baucar tersebut untuk tujuan pelajaran. Namun dia tidak menyalahkan siswa-siswi sepenuhnya kerana peniaga sendiri turut mengambil kesempatan dengan mengaut keuntungan sebanyak RM10 bagi setiap pembayaran bernilai RM50.

"Gunakanlah BB1M dengan sebaik mungkin. Mungkin pada masa ini kita merasakan yang kita tidak memerlukannya tapi pada masa akan datang kita mungkin memerlukannya. Siswa-siswi boleh menggunakan BB1M tersebut bagi adik-adik mereka yang bersekolah dengan membelikan buku rujukan dan sebagainya selain dari kosmetik dan juga gajet", nasihatnya lagi.



Siswa-siswi boleh menggunakan BB1M tersebut bagi adik-adik mereka yang bersekolah dengan membelikan buku rujukan dan sebagainya selain dari kosmetik dan juga gajet.

Jualan gajet dan juga kosmetik yang boleh dibeli menggunakan baucar merugikan siswa-siswi malah mendatangkan keuntungan berlipat ganda kepada para peniaga.

Hukum hudud wajib dilaksanakan

Kritikan mengenai pelaksanaan hukum hudud menjadi isu hangat diperdebatkan dalam kalangan masyarakat dan pemimpin sama ada melalui akhbar bercetak mahupun berita atas talian baru-baru ini.

Menurut Pengerusi Rancangan Pengajian Islam, Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Jasni Sulong, terdapat pelbagai alasan diletakkan mengenai hudud namun ia tidak konsisten dengan aspek kecemerlangan negara dan keistimewaan agama Islam sebagai agama Persekutuan (Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan). Jika pun keadaan negara yang tidak kondusif, tidak bermakna hudud ditinggalkan sepenuhnya.

"Hudud merujuk kepada had dan kadar. Istilah ini merujuk kepada sebahagian undang-undang dalam Islam di samping qisas dan takzir. Ketiga-tiga ini adalah hukum Allah dan tiada alasan untuk tidak cuba melaksanakannya", jelasnya kepada Berita Kampus.

"Hudud terdapat dalam Al-Quran dan Al-Hadith, di mana nasnya adalah muhkam dan bukan bersifat mansuh. Ia perlu dilaksanakan walaupun secara beransur-ansur dan tidak semestinya drastik dan sepenuhnya. Tetapi usaha ke arah itu hendaklah dibuat dari semasa ke semasa", katanya.

Tambah beliau, kaedah fekah ada menyatakan, sesuatu yang tidak boleh dibuat semua, tidaklah bermaksud ia hendaklah ditinggal semua. Mungkin, perlu mulakan dengan sebatan 40 rotan kepada pesalah yang minum arak, serta 100 rotan kepada yang berzina.

Beliau turut mengupas mengenai klip video Aisyah Tajudin yang menampakkan kejahilan sebahagian masyarakat Melayu mengenai hudud. Walaupun sindiran yang dibuat dikatakan bersifat sinikal politik ke atas hasrat Kelantan, namun sindiran yang dibuat itu majoritinya kepada hukum Allah dan bukannya pada pentadbiran kerajaan tersebut. Kesannya, secara tidak sedar ia boleh menjejaskan akidah.

Sekatan barangan pos di desasiswa dikuatkuasa

Pengurusan Desasiswa Indah Kembara (IK) telah menguatkuasa penyekatan penghantaran barangan pos oleh penghuni di pejabat desasiswa.

Urusan penghantaran barangan persendirian melalui perkhidmatan pos atau perkhidmatan kiriman cepat (courier) telah disekat oleh pengurusan IK berikutan penerimaan barangan pos penghuni yang kian bertambah.

Perkara demikian menyukarkan pihak desasiswa apabila tiada tempat simpanan yang khusus untuk penyimpanan barangan pos kepada penghuni.

Penggawa Desasiswa Indah Kembara, Tuan Haji Mohd Zain Dollah, menjelaskan keengganan pejabat untuk menerima barangan pos berikutan beberapa kes kehilangan barangan pos siswa-siswi di Desasiswa Saujana dan Cahaya Gemilang yang mengakibatkan pihak pengurusan terpaksa menanggung kerugian untuk mengganti barangan.

"Keputusan sepakat telah dibuat bersama di beberapa desasiswa bermula 1 April lalu untuk tidak menerima sebarang barangan pos berikutan beberapa kes yang terjadi sebelum ini," katanya.

Ujar beliau, sekiranya penghuni perlu membuat barangan, mereka perlu berurusan sendiri dengan pihak syarikat penghantaran untuk serahan kiriman.

Dalam kenyataan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Jabatan Kebajikan dan Kesejahteraan Mahasiswa, Nurceria Husna Mohamad Arif pula, pihak desasiswa masih menerima barangan pos namun pihak syarikat penghantaran yang sebenarnya tidak mahu meninggalkan barangan atas sebab kontrak bersama pelanggan.

" Perkara ini teleh dipersetujui oleh Majlis Penggawa sejak semester lepas, bagaimanapun ini adalah makluman awal dari dapatan MPP dan akan mengadakan pertemuan dengan pihak bertanggungjawab mengenai isu ini," katanya.

Elak makanan segera yang tinggi kalori

Makanan segera yang senang dan cepat diperoleh oleh pengguna telah menyebabkan peningkatan penghidap obesiti setiap tahun dan seterusnya membawa memberi kesan terhadap kesihatan.

Pengarah Institut Kesihatan Umum, Dr Tahir Haris dalam akhbar Sinar Harian pada 1 Mac 2015 berkata, berdasarkan hasil Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2011, penghidap diabetes meningkat sebanyak 3.6 peratus berbanding 11.6 peratus berdasarkan penemuan awal tinjauan kebangsaan pada tahun 2006.

Lebih membimbangkan iaitu masalah obesiti dicatatkan tertinggi di rantau Asia pada tahun 2011.

Pengarah Pusat Sejahtera Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Normala Abdul Wahid menjelaskan bahawa walaupun makanan tersebut senang untuk diperolehi, namun pengambilannya secara kerap tidak digalakkan.

"Pengambilan makanan segera bergantung kepada saiz hidangan yang mana boleh meningkatkan kalori dalam setiap hidangan menyebabkan obesiti", ujarnya.

Menurut beliau lagi, siswa-siswi perlulah memilih makanan segera yang kurang berminyak seperti makanan yang menggunakan teknik panggang, wrap dan kalorinya rendah tapi berkhasiat.

Selain itu, pemilihan yang baik dapat menjamin kesihatan fizikal dan mental.

Siswi Universiti Teknologi Mara (UiTM), Zaidaton Nain Zainol berkata, antara salah satu faktor pengambilan makanan segera seperti mee segera adalah disebabkan oleh makanan tersebut murah, lebih-lebih lagi selepas cukai barangan dan perkhidmatan (GST) dilaksanakan.

Siswa Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Rushdi Arif Sidek pula mengakui sememangnya faktor kos sara hidup siswa-siswi semakin tinggi, namun ia sepatutnya tidak jadikan jalan alternatif bagi berjimat-cermat.

"Pengaruh iklan juga seringkali mempengaruhi siswa-siswi untuk membelinya. Namun begitu, sudah hampir tiga bulan saya berhenti mengambilnya kerana memikirkan kesan yang teruk terhadap kesihatan dalam jangka masa yang panjang", kata Nurhumaizatul Akmal Mustafa, siswi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Postur badan baik elak fibrosis

Oleh **SITI FASRIANA SHAARI**

Menjaga postur badan yang betul dan sentiasa memastikan otot mendapat bekalan oksigen yang cukup adalah mustahak. Ia mampu mengelakkan kesakitan pada bahagian badan seperti bahu, pinggang dan leher. Malah ia juga mampu mengelakkan fibrosis.

"Mengabaikannya mampu menyebabkan badan mengalami kesakitan pada masa hadapan. Lebih memudaratkan ia mampu menyebabkan fibrosis", kata Ketua Fisioterapi, Hospital Pulau Pinang, Puan Yew Su Fern, ketika menyampaikan ceramah mengenai kepentingan menjaga postur badan di Pusat Sejahtera.

Fibrosis adalah tindak balas tisu badan untuk memperbaiki luka yang berlaku pada tisu. Fibrosis mampu memberi kesan kepada paru-paru dan jantung. Terdapat fibrosis yang menyebabkan masalah pernafasan dan juga kegagalan jantung.

Tambah Yew lagi, fibrosis juga berlaku apabila otot tidak menerima oksigen yang mencukupi. Kekurangan oksigen berlaku apabila darah yang merupakan agen pengangkutan oksigen tidak dapat sampai pada otot. Saluran darah terhalang kerana apabila otot berada dalam keadaan statik dalam tempoh yang lama, otot akan tersimpul dan simpulan ini yang menghalang saluran darah.

"Jika kita sedang melakukan kerja contohnya menaip, kita perlu menjaga tempoh bekerja kita. Gunakan 10 hingga 15 saat untuk lakukan regangan supaya setiap otot mendapat bekalan oksigen", tambah Yew.

Yew mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang fisioterapi dan telah berkhidmat selama 35 tahun.

Kebersihan makanan bukan isu remeh

Pengendali makanan perlu mengelakkan sikap sambil lewa semasa mengendalikan makanan, terutamanya apabila makanan tersebut dihidangkan di tempat awam dan menjadi tumpuan masyarakat untuk menikmatinya.

Menurut Pensyarah Pusat Pengajian Teknologi Industri, Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Effarizah Mohd Esah pada ceramah kesihatan anjuran Pusat Sejahtera USM pada 6 April lalu, kaedah pengendalian makanan yang baik perlu diaplikasikan untuk memastikan kebersihan makanan terjamin sekaligus mengelakkan penyebaran bakteria berbahaya dalam makanan.

"Antara bakteria berbahaya yang terkandung dalam makanan yang tercemar ialah bakteria E-Coli, Salmonella dan Bacillus Cereus. Bakteria-bakteria ini boleh menyebabkan cirit-birit, keracunan makanan dan juga mengganggu sistem penghadaman tubuh", jelasnya.

Effarizah menambah lagi bahawa antara sebab berlakunya kes keracunan makanan ialah pengendali makanan tidak cakna isu keselamatan makanan, reka bentuk premis yang tidak kondusif lalu menyukarkan proses penyediaan makanan. Apabila ruang memasak sempit, bakteria mudah membiak akibat sentuhan dengan kulit dan makanan lain yang juga berada berhampiran dengan tempat memasak.

"Kaedah mengelakkan makanan daripada tercemar ialah memastikan kebersihan diri pengendali terjaga, gunakan peralatan bersih semasa mengendalikan makanan dan juga menutup makanan dengan penutup agar tidak tercemar dengan agen asing", katanya.

Effarizah menyatakan bahawa kesedaran menjaga kebersihan makanan perlu diwujudkan dalam diri pengendali makanan kerana isu ini melibatkan kepercayaan pelanggan terhadap perkhidmatan mereka.

Kaedah mengelakkan makanan daripada tercemar ialah memastikan kebersihan diri pengendali terjaga, gunakan peralatan bersih semasa mengendalikan makanan dan juga menutup makanan dengan penutup agar tidak tercemar dengan agen asing.

Immunise yourself

Immunity is not given much thought by the public although it is essential to be able to live healthily.

"We are always neglecting our immune system. For us, as long as our organs are functioning properly allowing us to eat, drink and sleep, we are healthy. Yes, you are but is your immune system healthy?", said Dr Leow Chiuan Herng during the Power Food to Boost Your Immunity talk.

Today, over 25 million people in the world live with cancer and 7 million die from it each year. The disease represents the leading cause of mortality for those under the age of 65.

Supplement has been the main option in preventing diseases such as cancer and maintaining good health. In supplying the need for long life, many supplement companies exists.

"Most of these supplements are not made in Malaysia and are expensive. If you are able to spend more, you can get the supplements but there are other options", Dr Leow said.

Dr Leow even stresses that the function of drugs, antibiotic and supplements is just to make the immune system stronger.

"The best doctor, the best worker or the best warrior to fight diseases is actually you. It is embedded in your body, your immune system", he told the audience.

The body's immune system is found throughout the body. It removes foreign particles such as bacteria, virus or cancerous cells. The body has macrophage, helper T cells and fighter cells that act as a warrior or army against diseases.

"Similar to the heroes in The Avengers film, our body is filled with Avengers of our own, each playing a specific role. The Avengers job is to defend the country. Whereas to me, all the cells inside your body is playing the same role as them which is to defend your body", he explained.

In order for the immune system to function optimally, high dosage of sugared food and drinks need to be avoided as it will stop the production of stem cells and antibodies.

"The first thing that comes to your mind when thinking of taking too much sugar is only diabetes. However, taking too much sugar will also weaken your immune system", he added.

Other factors that will weaken the immune system are being overweight and the consumption of alcoholic beverages. Water is also important to flush the junk out of the body system.

"Start today. Boost your immune system for a better, healthy life tomorrow. You can make a difference", Dr Leow advised at the end of his talk.

Raikan kesihatan

Keraian kesihatan menjadi fokus di sebalik program-program yang dianjurkan sempena Minggu Kesihatan Universiti Sains Malaysia (USM) yang telah berlangsung pada 6 April hingga 10 April yang lalu.

Menurut Pengarah Pusat Sejahtera, Dr. Normala Abdul Wahid, kesemua program yang diadakan sepanjang Minggu Pusat Sejahtera seperti ceramah, program senaman dan program derma darah dirancang khas untuk menekankan pelbagai aspek kesihatan.

"Program Minggu Kesihatan yang diadakan pada tahun ini bertemakan keselamatan makanan, iaitu sejajar dengan tema utama Hari Kesihatan Sedunia yang diraikan pada 7 April yang lalu. Walau bagaimanapun, Pusat Sejahtera turut merancang aktiviti yang menekankan isu-isu kesihatan lain yang penting seperti kesejahteraan badan, kedudukan badan (postur), stres dan sebagainya," jelas Dr. Normala.

"Dari segi ceramah misalnya, tahun ini kami telah mengundang pakar-pakar kesihatan dan perubatan daripada luar USM seperti daripada Hospital Lam Wah Ee dan Hospital Pulau Pinang, selain daripada pakar-pakar dalam USM, untuk memberikan pencerahan kepada staf serta siswa-siswi USM mengenai pelbagai aspek kesihatan," tambah Dr. Normala.

Selain perbincangan mengenai pelbagai isu kesihatan yang berbeza, uniknya Minggu Kesihatan USM pada tahun ini adalah daripada segi promosinya, di mana acara-acara sepanjang minggu tersebut dihebahkan dengan menggunakan media elektronik secara sepenuhnya.

"Pada tahun ini, kami tidak banyak membuat promosi melalui percetakan seperti 'banner' seperti tahun-tahun terdahulu. Kami memilih cara yang lebih mesra alam dengan membuat promosi secara atas talian, iaitu melalui emel kepada ketua-ketua jabatan, staf serta pelajar, penghebahan di laman web rasmi USM, dan penghebahan melalui laman Facebook rasmi Pusat Sejahtera", ulas Dr. Normala.

Dr. Normala turut berharap bahawa lebih ramai warga USM akan terus menyokong usaha dan aktiviti yang diadakan oleh Pusat Sejahtera USM untuk memupuk kesedaran mengenai penjagaan kesihatan sepanjang masa.

"Kami berharap bahawa warga USM akan terus promosi program yang dianjurkan serta mengadakan kerjasama dengan kami, misalnya program kerjasama dengan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh dan persatuan-persatuan dalam USM," kata Dr. Normala.

Lestarikan budaya hidup sihat

Program Cakna Sihat anjuran Majlis Penghuni Desasiswa Fajar Harapan telah berlangsung di Tasik Fajar Harapan dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada siswa-siswi Universiti Sains Malaysia.

Pengarah Projek Cakna Sihat, Kok Hui Chie berkata program ini adalah salah satu inisiatif untuk mengalakkan siswa-siswi mengamalkan gaya hidup yang sihat dengan mengaplikasikan elemen keseronokan semasa beriadah.

"Kami menyahut seruan universiti dalam membantu melahirkan siswa-siswi berminda kelas pertama. Program sebegini dapat meningkatkan kepekaan siswa-siswi terhadap pentingnya menjaga kesihatan dan dalam masa yang sama meningkatkan kecerdasan dan kecergasan mereka", ujarnya.

"Selain menerapkan gaya hidup sihat, program ini juga mampu memupuk semangat kerjasama dalam pasukan seterusnya melahirkan siswa-siswi yang bersatu padu meskipun terdapat pelbagai bangsa dalam setiap kumpulan", tambahnya lagi.

Nur Amirah Mohd Jumain, Ilmu Pendidikan 1, berkata Cakna Sihat adalah antara program yang menarik kerana peserta dapat pelbagai input yang tidak pernah didapati pada program-program yang lain.

"Kekuatan program ini adalah dapat menyatukan peserta yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan mewujudkan semangat kesatuan yang tinggi dalam memastikan kumpulan masing-masing berjaya menamatkan pertandingan dengan jayanya", katanya.

"Kehidupan seharian yang sibuk dengan pelbagai aktivti pembelajaran membuatkan kita tidak sempat untuk beriadah. Justeru, melalui program sebegini di hujung minggu setidak-tidaknya membantu kita meluangkan sedikit masa untuk meningkatkan kecergasan diri", tambahnya lagi.

Menurut Nur Husniyyah Azman, Ilmu Kemanusiaan 1, berkata program sebegini jarang-jarang dianjurkan dan mendatangkan banyak faedah kepada peserta.

Walaupun, tidak berunsur ilmiah tetapi pendekatan yang digunakan mampu menarik golongan muda untuk memahami objektif program dijalankan.

"Kebanyakan program yang dianjurkan terlalu berilmiah membuatkan golongan muda takut untuk melibatkan diri. Saya yakin, sekiranya program yang dianjurkan lebih santai dan mengikut kehendak maka ia pasti akan mendapat sambutan seterusnya objektif yang cuba diterapkan dapat dicapai", jelasnya.

Pusat Sejahtera anjur tai chi



Warga USM yang hadir pada senaman tai chi yang dijalankan di lot parkir kereta Pusat Sejahtera USM.

Senaman tai chi anjuran Pusat Sejahtera Universiti Sains Malaysia (USM) yang dibuka kepada semua warga USM diadakan pada hari Rabu bermula 7:45 pagi hingga 8:00 pagi amat menggalakkan terutamanya daripada staf Pusat Sejahtera.

Menurut Pengarah Pusat Sejahtera, Dr Normala Abdul Wahid senaman pagi itu sebenarnya diadakan setiap minggu pada hari Rabu dan terbuka kepada semua staf USM.

"Aktiviti ini dilakukan sempena Kempen Kesihatan Sedunia. Sesi pertama kempen dilakukan dengan senaman tai chi, ceramah kesihatan dan Jalan Sejahtera. Aktiviti ini adalah baik untuk kesihatan kepada warga USM kerana mereka kurang meluangkan masa untuk bersenam malah sibuk dengan pekerjaan masing-masing", katanya.

Selain itu, senaman tai chi ini menggalakkan staf untuk bersenam sebelum mula bekerja, ini kerana warga USM harus melakukan sesuatu senaman dan berpeluh sedikit walaupun selepas senaman warga USM akan masuk ke kuliah atau pejabat dengan penghawa dingin.

Aktiviti ini dijalankan secara percuma dan mereka yang berminat hanya perlu hadirkan diri pada setiap hari Rabu atau berhubung terus dengan Pusat Sejahtera USM.

Bijak tafsir label makanan

Oleh **DEBRA WONG SER LIN**

Keperluan untuk memilih makanan yang lebih sihat dan sesuai untuk badan kita menyebabkan ilmu pentafsiran label makanan menjadi penting.

Menurut Puan Yusfizahani Md Yusuff, pegawai dietetik daripada Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT), jika pengguna pandai menafsir label makanan, mereka boleh membandingkan nilai pemakanan antara jenama, membantu perancangan pemakanan harian serta menggubal pelan pemakanan yang sihat dan seimbang.

Dalam ceramahnya yang bertajuk "Kenali Label Makanan Anda" tersebut, Yusfizahani telah berkongsi cara membaca sesebuah label makanan seperti senarai ramuan, nama sebenar, tarikh luput, dan label nutrisi serta cara-cara maklumat tersebut boleh digunakan untuk memilih bahan makanan yang lebih sihat.

"Senarai ramuan dalam label makanan misalnya harus menyenaraikan makanan dalam jumlah peratusan menurun, iaitu kandungan yang paling banyak dalam ramuan dinyatakan dahulu, kemudiannya diikuti dengan yang kedua tertinggi, dan selebihnya dalam urutan menurun selepas itu. Pengguna harus elak membeli makanan yang mengutamakan bahan yang tiada nilai kesihatan seperti gula atau krimer dalam senarai ramuannya", ulasnya lagi.

Selain itu, Yusfizahani turut menjelaskan tentang beberapa maklumat yang sering terlepas pandang oleh pengguna semasa membeli makanan seperti tuntutan tanpa kolestrol, tuntutan tanpa atau kurang gula dan garam, serta perbezaan di antara penamaan label tertentu seperti '100% jus buah asli' dan 'jus buah'.

"Jika sesuatu bahan makanan disenaraikan sebagai tanpa gula misalnya, ini bermakna bahawa makanan tersebut mengandungi kurang daripada 0.5 gram gula untuk setiap 100 gram atau mililiter makanan tersebut. Selain itu, pengguna juga harus tahu bahawa gula tambahan boleh dinyatakan dengan pelbagai nama, contohnya sirap jagung, glukosa, fruktosa dan sebagainya", tambahnya.

Yusfizahani juga telah menjawab soalan daripada peserta ceramah mengenai cara-cara yang praktikal untuk memilih bahan makanan tertentu dan penentuan kerosakan makanan sebelum dan selepas tarikh luput makanan tersebut.

Menurut seorang staf USM, ceramah tersebut sarat dengan pengetahuan yang baru untuk dipraktikkan semasa membeli makanan kelak.

"Pada pendapat saya, kita cenderung untuk lebih tertumpu kepada gambar, jenama dan citarasa peribadi ketika membeli makanan dan bukannya nilai kesihatannya seperti nutrien, kalori, jumlah lemak dan sebagainya. Daripada ceramah tadi, saya telah mempelajari petua-petua yang berguna, misalnya pemilihan sumber lemak berasaskan haiwan dan tumbuhan serta pemilihan susu penuh krim atau rendah lemak", jelasnya.

Ceramah yang telah diadakan pada 7 April lalu di Bilik Ibnu Sina, Pusat Sejahtera pada pukul 11 pagi sehingga 12 petang itu telah mendapat sambutan daripada warga USM.

Makanan tepat mampu tingkat sistem imunisasi

Pemilihan makanan yang tepat penting bagi memastikan sistem imunisasi tubuh berjalan dengan lancar. Apabila sistem imunisasi menjadi aktif, sel-sel asing di dalam tubuh dapat dihapuskan.

Menurut Pensyarah Kanan di Institut Penyelidikan Ubatan Molekul (INFORMM), Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Leow Chiuan Herng, sistem imunisasi tubuh yang kuat mampu membantu melawan penyakit.

"Tubuh badan kita memerlukan agen antioksidan yang banyak untuk merangsang pembentukan sel pelindung seperti sel darah putih, yang tugasnya memusnahkan sel-sel asing seperti sel kanser. Radikal bebas juga boleh dimusnahkan dengan adanya antioksidan di dalam tubuh", jelasnya.

Prof. Leow menyatakan bahawa terdapat beberapa makanan yang amat berkesan dalam meningkatkan sistem imunisasi tubuh seperti brokoli, tomato, cendawan dan juga buah-buahan terpilih. Makanan ini amat berkesan kerana kandungan antioksidan yang tinggi selain mengandungi kandungan kalori yang rendah, lalu sesuai diambil oleh golongan yang menjaga berat badan mereka.

"Selain antioksidan, nutrien yang juga berkesan bagi merancakkan sistem imunisasi tubuh ialah beta-glukan. Cendawan mengandungi kandungan beta-glukan yang sangat tinggi dan amat sesuai dimasukkan dalam diet harian selain mudah dimasak", katanya.

Leow menambah lagi bahawa makanan tidak seharusnya dimasak dalam tempoh yang terlalu lama ataupun terlalu berminyak kerana dikhuatiri akan menghapuskan khasiatnya. Walaupun bakteria boleh dihapuskan dalam suhu yang tinggi, tetapi nutrien yang terkandung di dalam makanan juga akan terhapus.

"Penjagaan sistem imunisasi tubuh sering diketepikan jika dibandingkan dengan penjagaan sistem tubuh yang lain. Oleh sebab itu, pengambilan makanan yang tepat mampu meningkatkan sistem ketahanan tubuh untuk melawan penyakit", tegasnya semasa berucap di ceramah ' Makanan Sihat: Tingkat Imunisasi', anjuran Pusat Sejahtera USM.

KANITA perjuangkan hak saksama wanita

Hari Terbuka Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita dan Gender (KANITA) Universiti Sains Malaysia (USM) yang ke-5 berjalan lancar pada 8 April 2015 seperti yang dirancang oleh pihak pengurusan.

Menurut Pengarah KANITA, Dr. Noraida Endut, program ini adalah satu acara tahunan yang dimulakan sejak beberapa tahun dahulu untuk memperkenalkan KANITA kepada siswa-siswi dan staf USM.

"Tujuan kami memperkenalkan KANITA kepada warga USM adalah kerana ingin memberikan pendedahan mengenai kajian gender yang dilakukan oleh KANITA. Di Malaysia program kajian wanita dan gender tidak banyak dan hanya ditawarkan di USM, Universiti Malaya dan beberapa kursus dalam displin-disiplin tertentu di universiti-universiti lain", kata Noraida.

"Hari Terbuka KANITA ini adalah satu peluang keemasan bagi kami untuk lebih mendekati siswa-siswi dan menerangkan usaha KANITA dalam melakukan kajian wanita dan gender terutamanya bagi siswa-siswi pasca siswazah dan Ph.D sekarang dan di masa akan datang", tambah beliau.

Noraida berkata program ini lebih berbentuk akademik kerana ia khusus kepada siswa-siswi USM namun penglibatan masyarakat luar dalam aktiviti yang dianjurkan menunjukkan terdapat simbiosis di antara masyarakat luar dan masyarakat universiti. Hal ini adalah salah satu elemen penting dalam pengajian tinggi.

"KANITA juga berkongsi ilmu yang diperoleh di universiti dan pada masa yang sama mempelajari ilmu daripada masyarakat luar. Mereka sebenarnya memiliki pelbagai kemahiran yang mungkin tidak dimiliki oleh siswa-siswi kita. Ilmu mereka lebih berbentuk latihan. Perkongsian ilmu yang berterusan adalah konsep yang didukung oleh KANITA sejak lama lagi", tambah beliau.

Noraida berkata, bermula tahun ini KANITA telah mula mengadakan satu hubungan yang formal dengan siswa-siswi USM melalui kerjasama dengan Biro Kebajikan Siswi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) USM. KANITA amat gembira dengan hubungan baru ini kerana dapat memberikan lebih banyak pendedahan tentang peranan KANITA kepada siswa-siswi USM.

Noraida berharap siswa-siswa menggunakan peluang yang ada untuk mengenali lebih lanjut mengenai kajian wanita dan gender, pada masa yang sama bersama-sama berusaha memberikan persepsi yang betul kepada masyarakat tentang keadaan semasa di sekitar kita.

KANITA bantu ibu tunggal

Hari Terbuka Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender (KANITA) yang berlangsung di bangunan C02 Universiti Sains Malaysia (USM) telah memilih ibu tunggal untuk diperkasakan dengan membuka beberapa gerai perniagaan semasa program berlangsung baru-baru ini.

Menurut Pengarah KANITA, Dr Noraida Endut, beliau memilih ibu tunggal kerana ibu tunggal ialah wanita yang banyak mengalami diskriminasi dalam masyarakat.

"Golongan ibu tunggal sering mengalami diskriminasi dalam masyarakat dari segi sosiobudaya kerana status mereka dipandang secara negatif. Di Malaysia, persepsi masyarakat terhadap wanita yang sempurna adalah wanita yang mempunyai suami dan anak-anak. Oleh itu, mereka ini sering ditinggalkan dalam perancangan ekonomi dan peluang-peluang tertentu kerana tidak mempunyai sokongan", katanya.

Beliau juga menyatakan bahawa memperkasakan komuniti ibu tunggal dalam setiap program adalah satu projek yang penting untuk KANITA dalam konteks jaringan dan masyarakat.

"Setiap program yang kami jalankan sama ada dalam atau luar USM, kami akan cuba memberikan ruang kepada ibu tunggal untuk mempamerkan produk mereka atau aktiviti ekonomi mereka. Tujuannya untuk menunjukkan bahawa mereka boleh berdikari dan tidak mengharapkan bantuan orang lain. Tetapi, pada masa yang sama mereka juga ingin diberikan peluang peniagaan yang sama rata seperti orang lain", katanya lagi.

Beliau berkata program ini berbentuk akademik yang melibatkan masyarakat luar iaitu komuniti ibu tunggal dan siswa-siswi untuk mewujudkan perkongsian ilmu selari dengan konsep yang diterapkan oleh KANITA.

"Bila kita libatkan masyarakat luar dalam konteks pengajian kita. Ini menunjukkan ada simbiosis antara masyarakat di luar dan siswa-siswi di universiti. Ia sebenarnya penting dalam konteks pengajian tinggi di Malaysia di mana ilmu yang kita ada di universiti dikongsi bersama. Kita belajar daripada mereka dan mereka belajar daripada kita. Di sini terdapat pemindahan ilmu dua hala antara masyarakat dan siswa-siswi", jelasnya.

Menurut peniaga ibu tunggal, Maimun Mohd Zahari, program yang dianjurkan oleh KANITA adalah sangat baik kerana memberi peluang kepada dirinya dan ibu tunggal yang lain menjual produk untuk menjana pendapatan sampingan.

Maimun menyatakan bahawa beliau sudah menjadi ibu tunggal selama 9 tahun dan mempunyai pengalaman mengasuh di rumah sebelum ini. Namun, terdapat perkara yang berlaku yang membawanya ke USM sekaligus menerima nasihat dan cadangan daripada pengarah KANITA supaya menjalankan aktiviti untuk menyara kehidupannya.

Beliau juga berharap agar program seperti ini dapat diteruskan lagi agar lebih banyak peluang diberikan dan lebih banyak pendapatan yang boleh dijana oleh komuniti ibu tunggal pada masa hadapan.



JELAS...Pengarah Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender (KANITA) Dr Noraida Endut, memberikan penjelasan mengenai kajian wanita dan gender dan perancangan KANITA di masa hadapan pada Hari Terbuka KANITA 2015

Bahasa isyarat permudah interaksi dengan OKU

Oleh **MUHAMMAD FAUZI SAMSUDIN**

Komunikasi penting dalam proses interaksi sesama manusia. Selaras dengan itu, Kelab Penyayang, Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengadakan Kelas Bahasa Isyarat untuk membantu siswa-siswi berkomunikasi dengan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Menurut Pengarah Projek, Norfarhana Mohd Zamri, Kelas Bahasa Isyarat diadakan untuk memberi peluang kepada siswa-siswi USM mendalami dunia OKU yang mengalami masalah pendengaran dan pekak.

"Ini adalah kali kedua Kelas Bahasa Isyarat diadakan bagi sidang 2014/2015. Saya tidak mengharapkan kuantiti siswa-siswi yang menyertai kelas ini tetapi saya berharap kualiti siswa-siswi selepas menyertai kelas ini. Saya juga berharap agar siswa-siswi dapat mempelajari dan mendalami bahasa isyarat serta mengaplikasikan dalam kehidupan mereka", katanya.

Menurut tenaga pengajar, Maizarith Ismail, Ilmu Pendidikan 3, siswa-siswi seharusnya serba boleh pada zaman yang mencabar kini yang mana setiap individu memerlukan kemahiran yang lain daripada individu lain.

"Kita belajar bahasa isyarat untuk menghargai keberadaan OKU di sekeliling kita. Kita tidak tahu sama ada kita akan bekerja atau berjiran dengan golongan OKU. Maka saya berharap, siswa-siswi dapat mempelajari bahasa isyarat dan saya menggalakkan siswa-siswi yang lain supaya mempelajari bahasa isyarat kerana kita hidup bermasyarakat", jelasnya kepada *Berita Kampus*.

Menurut Mohamad Taufiq Kadir, Ilmu Pendidikan 1, kelas ini amat berguna kepadanya yang mengambil kursus Pengajian Pendidikan Khas untuk mempelajari bahasa isyarat dengan lebih mendalam.

Kelas Bahasa Isyarat ini diadakan sebanyak enam sesi pada setiap hari Selasa, jam 8.00 malam di Dewan Kuliah (DK) U. Peserta yang mengikuti kelas ini akan mendapat sijil penyertaan dan mata MyCSD.

Kita belajar bahasa isyarat untuk menghargai keberadaan OKU di sekeliling kita. Kita tidak tahu sama ada kita akan bekerja atau berjiran dengan golongan OKU.

SAM budayakan kelestarian

Universiti Sains Malaysia (USM) telah laksanakan Subtainability Assessment Methodology (SAM) sejak tahun 2013. SAM adalah perisian yang telah dibangunkan oleh Centre for Global Sustainability Studies (CGSS) dalam usaha membudayakan kelestarian dalam kalangan warga USM.

Menurut Pensyarah Kanan CGSS, Dr Mohd Sayuti Hassan, SAM dibangunkan berdasarkan kaedah yang selaras dengan pemikiran ke arah kelestarian global. Justeru SAM digunakan untuk menilai kandungan kelestarian kursus akademik, projek penyelidikan dan menekankan nilai kemasyarakatan.

"Menerusi penggunaan SAM kita dapat menentukan samada kursus yang ditawarkan kepada siswa-siswi USM mengandungi elemen-elemen kelestarian ataupun tidak. Sekiranya terdapat elemen kelestarian maka SAM akan memperlihatkan berapakah peratusan elemen kelestarian yang terkandung dalam kursus tersebut", jelas beliau.

"Sekiranya elemen kelestarian masih berkurangan maka ketua program harus membuat penambahbaikan terhadap sinopsis kursus supaya mempertingkatkan elemen kelestarian dalam kursus tersebut", tambah beliau.

Menurutnya lagi, melalui penggunaan SAM konsep kelestarian dapat diserapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta didedahkan kepada siswa-siswi pada peringkat awal lagi.

Sayuti berkata CGSS telah mengadakan Sustainability LAB terlebih dahulu untuk memperkenalkan SAM dalam kalangan pensyarah USM. Hal ini kerana staf USM turut memainkan peranan dalam mentransformasikan USM sebagai kampus lestari.

"Penggunaan SAM menjimatkan masa, komprehensif dan mudah berbanding analisis secara manual. Justeru, pengguna SAM hanya dikenakan kos yang minimum. Namun, bagi pengguna USM masih tidak mengenakan sebarang kos setakat ini", terang beliau.

Penggunaan SAM menjimatkan masa, komprehensif dan mudah berbanding analisis secara manual.

International Jazz Day to jazz up your life

Unlike western countries that celebrated International Jazz Day on a bigger scale, the celebration in Universiti Sains Malaysia (USM) is subdued, according to the tutor of USM Jazz Band, Sivasilan Muniandy.

"Hopefully by doing this, people will realise and be aware of International Jazz Day as well as the significance and history of it", Siva explained.

Vonductor of the band, Associate Professor Razif Mohd hoped that people will appreciate jazz music through the event.

"Music speaks for itself. The more you play, we hoped people will be affected by it. So once you are affected by it, there will be the sense wanting to know more about the music", he said.

He also added that there is some appreciation on jazz music among USM students, however many do not understand the music well enough.

When asked about the responsibility of jazz musicians and educators in spreading jazz, Associate Prof Razif hoped that the future generations will still be playing jazz music. While Siva explained that the first thing jazz musicians must do is to do justice to jazz music.

"If you want to present jazz music, make it sound jazz. As musicians, we do our best to play the music. I think we should cultivate it among ourselves. We cannot expect people to play the music when you do not listen jazz. We have to work within ourselves before we try to spread it", he explained.

He said that jazz music requires sophisticated listeners because they need to know what they listen to and not just to listen to it. He felt that the recent trend to cover songs and adapt it to jazz music is a good way to introduce people to jazz music.

"People already recognise the content and when you represent it a different way, it becomes interesting", he told Berita Kampus.

In conjunction of International Jazz Day on 30th April, a live showcase will be organised by USM Jazz Band to promote jazz music among the students of USM.

According to the President of USM Jazz Band, Tey Zhi Lynn, she hoped to promote jazz music among the students in USM.

"In Malaysia, the students tend to go for classical and pop music than jazz. Therefore we will try to bring jazz music to the younger generations", she said.

This year, International Jazz Day will be featuring performers among non-students of USM to share their experiences in jazz music. Among the performers invited are Moses Chuah and Sons, Dewan Budaya Band and Jazz Band Alumnis.

"We invited them to share what they liked about jazz. By doing so, we hoped the students will be able to understand jazz", Tey explained.

The musical performances will also include acoustic guitar performances by blending the guitar sound and jazz so that the students will be exposed to the familiar sound of pop music and unfamiliar sound of jazz music. Besides that, there will be poetry slam on jazz music.

The showcase will be held at Katasila, Pusat Pengajian Seni on April 30th and it will be free for everyone to attend. International Jazz Day was officially designated on April 30 by UNESCO to highlight jazz and its diplomatic role in uniting people in all corners of the globe.

Kerjasama penyelidikan iktiraf KANITA

Penyelidikan yang dijalankan melibatkan kerjasama dengan beberapa universiti luar negara telah mengiktiraf Pusat Pembangunan Penyelidikan Wanita (KANITA), Universiti Sains Malaysia di arena antarabangsa dalam memperjuangkan kesaksamaan gender.

Menurut Pengarah KANITA, Prof Madya Dr Noraida Endut, KANITA ialah sebuah pusat penyelidikan yang menyediakan peluang penyelidikan kepada mereka yang berminat melanjutkan pengajian di peringkat siswazah.

"Siswa-siswi yang mendaftar di KANITA terdiri daripada latar belakang yang berbeza dan mereka akan diselia oleh ahli akademik yang mempunyai kepakaran dalam bidang wanita serta gender. Mereka perlu menamatkan penyelidikan sepenuhnya sebelum dianugerahkan Sarjana Falsafah atau Doktor Falsafah", jelas beliau.

"Kajian berkenaan wanita dan gender ini sebenarnya berasal daripada disiplin yang pelbagai seperti sosiologi, undang-undang, ekonomi dan sebagainya. Fokus utama penyelidikan yang dijalankan di KANITA berteraskan kerangka gender yang bermaksud melaksanakan kajian dengan kesedaran serta memikirkan secara kritis akan sesuatu isu sosial berkaitan dengan gender", ulasnya.

Dr Noraida berkata kebanyakan penyelidikan yang dijalankan KANITA adalah bertaraf antarabangsa walaupun isu yang dikaji menjurus kepada Malaysia. Kolobrasi penyelidikan dengan universiti-universiti seperti Norway, Thailand, China, United Kingdom, Indonesia dan sebagainya telah meletakkan KANITA sebagai sebuah pusat penyelidikan yang dikenali.

Tambah beliau, dana yang diperolehi KANITA untuk penyelidikan juga kebanyakannya dari luar negara dan tidak bergantung sepenuhnya kepada dana dari universiti. Justeru, perolehan dana ini menunjukkan KANITA telah menempatkan diri di peringkat antarabangsa.

"Saya mentafsirkan kejayaan sesebuah penyelidikan dengan melihat kepada perubahan yang diperolehi sama ada dana yang besar atau dapat menghasilkan penulisan di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, objektif KANITA adalah untuk mencapai keadilan gender dan sosial. Oleh itu, hasil akhir kajian perlu membawa perubahan dalam masyarakat", katanya lagi.

"Kajian gender memberi pelbagai tambah nilai kepada penyelidik kerana kajian dalam bidang ini mementingkan kesaksamaan maka tidak hairanlah terdapat pelbagai peluang pekerjaan yang boleh diceburi seperti Pegawai Sumber Manusia dalam sektor kerajaan mahupun swasta", jelasnya.

Ketepatan dan kebenaran maklumat penting bagi wartawan

Oleh **MUHAMMAD FAUZI SAMSUDIN**

Media dan kebebasan bersuara adalah isu yang sering kali diperdebatkan. Media di Malaysia dikatakan tidak bebas dalam menyuarakan pendapat dan terikat dengan pelbagai etika dan undang-undang media yang membataskan penyampaian maklumat kepada masyarakat.

Menurut Eksekutif Kanan Serantau Perkhidmatan Komunikasi Pemasaran Bersepadu (IMC), Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Anuar Ishak, wartawan harus melakukan tugas masing-masing dengan sebaik mungkin. Kerjaya sebagai seorang wartawan menyebabkan wartawan selalu berdepan dengan pelbagai risiko.

"Penting bagi wartawan mengetahui tindakan yang sedang dilakukan bagi memastikan wartawan melakukan perkara yang benar dan tepat. Kesahihan maklumat dari aspek BERNAMA adalah 'We speak to the country'. Sekiranya Malaysia tidak mempunyai kebebasan media, maka tidak akan berlakunya penerbitan akhbar atau penyampaian maklumat kepada pembaca", jelasnya ketika sesi ceramah kerjaya Ekspo Kerjaya dan Pendidikan (EKSPEN) 2015 di Dewan Utama Pelajar (DUP) C, USM.

"Konsep yang membezakan BERNAMA dan organisasi berita lain adalah kami memberi peluang kepada masyarakat untuk memberikan pendapat mereka dalam ruangan berita dalam talian kami. Dalam organisasi BERNAMA, kami melaporkan maklumat yang diperolehi dan editor tidak memberi sebarang pendapat sampingan tersendiri kerana pendapat editor mungkin akan menimbulkan kontroversi dan persoalan dalam kalangan pembaca", tambahnya.

"Media bukan sahaja dimiliki oleh ahli politik, bahkan ahli perniagaan. Setiap syarikat media perlu menjaga kepentingan pemegang saham untuk memastikan pulangan keuntungan kepada pemegang saham", tambahnya lagi.

Seminar Komuniti ASEAN 2015 jelas peranan Malaysia sebagai pengerusi ASEAN

Penerangan mengenai peranan ASEAN berjaya disampaikan kepada warga Universiti Sains Malaysia (USM) dalam Seminar Komuniti ASEAN 2015 yang diadakan di Dewan Budaya USM pada 15 April 2015.

Menurut Pengerusi Seminar Komuniti ASEAN 2015, Prof Kamarulazizi Ibrahim, seminar ini bertujuan memberikan penerangan yang lebih jelas tentang peranan yang akan dimainkan oleh Malaysia yang bakal mengambil alih sebagai pengerusi ASEAN pada tahun 2015.

"Pelancaran Komuniti ASEAN pada tahun ini juga merupakan satu isu besar dalam kalangan rakyat Malaysia kerana tiada maklumat yang lengkap mengenai perlaksanaan, kesan, dan kebaikan yang bakal diperolehi daripada komuniti ASEAN 2015 ini. Oleh itu Centre for Global Sustainability Studies (CGSS) dan Yayasan Komuniti Pulau Pinang (YKNPP) mengambil langkah proaktif untuk membantu memberikan penerangan kepada masyarakat Malaysia mengenai Komuniti ASEAN 2015 ini", tambah Kamarulazizi.

Menurut Ketua Pengarah, Sekreteriat Kebangsaan ASEAN-Malaysia, Kementerian Luar Negeri, Dato' Muhammad Shahrul Ikram Yaakob, melalui program seumpama ini matlamat kerajaan Malaysia bagi meningkatkan kesedaran awam mengenai ASEAN secara umumnya dan peranan Malaysia sebagai pengerusi ASEAN 2015 dapat memastikan perlaksanaan Komuniti ASEAN pada hujung tahun ini secara khususnya akan tercapai.

"Kerjasama yang erat dalam menjayakan program ini jelas menunjukkan koordinasi yang baik di antara kementerian, institusi pengajian tinggi, dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam memberikan perkhidmatan terbaik untuk rakyat. Selain itu, maklum balas yang positif menunjukkan siswa-siswi di institusi-institusi pengajian tinggi amat peka dan maklum akan perkembangan dan isu-isu semasa di peringkat rantau dan global", jelas Shahrul ketika merasmikan Seminar Komuniti ASEAN 2015.



BERSEDIA… para tetamu dalam majlis perasmian program Seminar Komuniti ASEAN 2015 yang diadakan di Dewan Budaya USM pada 15 April 2015

Rantaian protein pembina daya imunisasi terunggul

4Life Transfer Factor adalah satu pembina daya imunisasi terunggul dalam sejarah dunia sains. Rantaian protein ini mampu mengubati pelbagai penyakit seperti demam denggi, diabetes, kanser pada peringkat awal dan penyakit haiwan jenis mamalia.

Menurut pakar pemakanan, Raghuram Krishnan, rantaian protein 4Life Transfer Factor adalah salah satu daripada kuasa paling kuat dalam alam semula jadi untuk memindahkan protein dan memastikan kesejahteraan hidup. Transfer factor turut berjaya dalam bidang sains pemakanan.

"Transfer factor adalah molekul kecil yang memindahkan maklumat alam semula jadi daripada satu entiti kepada entiti yang lain. Transfer factor menjadi perintis penyelidikan yang berterusan dan pembangunan produk kesihatan melalui proses inovatif dalam sains transferceutical", katanya.

"Transfer factor adalah sejenis rantaian protein yang dicipta oleh David Lisonbee pada tahun 1998 di Amerika Syarikat. Setiap orang pernah mengambil rantaian protein sama ada mereka sedar atau tidak iaitu pada kali pertama kita minum susu ibu. Keunikan rantaian protein ini adalah ianya boleh digunakan oleh manusia dan haiwan", katanya lagi.

Menurut penceramah jemputan 4Life Transfer Factor, Dr. Prashant Subramanian, sistem imunisasi badan manusia boleh mengawal hampir 90% secara langsung imun tubuh badan manusia.

"Pengambilan minuman 4Life Transfer Factor telah disahkan dapat mengubati penyakit demam denggi. Bergantung kepada kes, sesetengah pesakit yang mengambil minuman ini secara berterusan dan masa yang ditetapkan telah dikeluarkan wad dan kembali sihat selepas empat hari", jelasnya semasa sesi ceramah kerjaya Ekspo Kerjaya dan Pendidikan (EKSPEN) 2015.

"Selain itu, pesakit yang mengalami diabetes dan kakinya hampir dipotong telah diberi imun yang paling kuat iaitu 4Life Transfer Factor Advanced untuk mengubati luka pada kaki pesakit diabetes melalui dua cara iaitu pengambilan kapsul secara oral dan meletakkan serbuk kapsul pada luka tersebut. Setakat ini, dua daripada tiga pesakit telah pulih sepenuhnya dalam tempoh empat hingga enam bulan", tambahnya

"Pengambilan kapsul 4Life Transfer Factor dengan kemoterapi dapat mempercepatkan proses pemulihan pesakit kanser. Kita sedia maklum, kemoterapi membunuh sel-sel barah dalam badan dan turut membunuh sel-sel badan yang lain sehingga menyebabkan pesakit kanser mengalami kesan sampingan seperti hilang selera makan, mudah jatuh sakit, keguguran rambut dan sebagainya. Pengambilan kapsul 4Life Transfer Factor membantu pesakit mempercepatkan penghasilan semula sel dalam badan yang telah dimatikan semasa sesi kemoterapi", tambahnya lagi.

"Tiada had dalam pengambilan kapsul kerana pengambilan rantaian makanan ini tidak akan menyebabkan dos berlebihan. Untuk indiviu yang normal dan tiada penyakit, mereka boleh ambil 30 biji sehari. Rantaian protein ini agak mahal harganya dan tiada kesan sampingan jangka pendek atau panjang daripada pengambilan rantaian protein 4Life Transfer Factor" , katanya kepada Berita Kampus.

Recycling saves Earth

Global warming which is a current, pressing issue can be solved by a simple way; recycling.

According to the speaker of the Global Awareness Talk, Miss Loh Poh Chen, one of the causes of global warming is the increase of rubbish. Rubbish releases carbon dioxide which contributes to the rise in Earth temperature.

Miss Loh, during her talk, emphasised on the importance of trash management.

"Have we questioned where do rubbish come from and where do they go after that? If we do not know how to manage rubbish, we will live with them", she said.

"Humans are very smart. The things commonly known as rubbish were once a product of Earth's natural resources. However, once we have finished using these resources, we now called it rubbish", she explained.

Recycling is one way of reducing the usage of natural resource and managing them properly. Miss Loh also revealed that Malaysia has one of the lowest recycling rate which is 10% compared to the 80% achieved by other countries.

"Anything that has the recycle logo underneath it can be recycled. We are aware that that can be recycled but we still throw it in the rubbish bin", Miss Loh said.

However, there is a proper way to recycle. It is not as simple as throwing the rubbish in the correct recycling bin.

"After eating from the plastic container, can we recycle them straightaway? No! We have to wash it before throwing it in the recycling bin. If we throw without washing, it will attract ants, flies or rats", she explained.

Miss Loh also added that recycling is not easy. It is important not to be lazy.

"Do not think recycling is hard. The Earth we live in, we are borrowing it from our children and grandchildren, so do not leave rubbish for them", she added.

She also advised that if recycling is so hard to accomplish, try not to leave rubbish. Throw rubbish in the bin.

Global warming, according to Miss Loh, is a common phenomenon, whereby the temperature of Earth is rising rapidly.

"Take for example, this room. If there is no fan or air-conditioning and the door and window are closed, how would you feel? Hot? The Earth is already that hot and its heat cannot be released", she explained.

If the temperature of the Earth continues to increase, the world might end.

"This is your future! You will face lack of food, water and also loss of home in the future. This will not happen in the future only, in fact it is happening now", Miss Loh stressed.

The project director of the talk, Ng Chiew Tsann also agreed that global warming is an extremely worrying issue with no solution in sight.

"It is worrying as not only is the temperature affected. The Earth works as a cyclic system, if one part is affected, so is the other parts of the Earth. Once something has happened, then it'll be too late, so why not try to prevent that from happening?", she answered when asked on the need of the talk.

Majority of Malays and Orang Asli derived from Sunda Lineages

By **NG XIANG YI**

A DNA research by University of Oxford's professor has shown that majority of Malays and Orang Asli originated from Sunda Shelf, which is the present-day Southeast Asia.

Professor Stephen Oppenheimer, from the Institute of Cognitive and Evolutionary Anthropology, School of Anthropology and Museum Ethnography, University of Oxford said this during an archeology talk organized by Centre for Global Archaeological Research (PPAG) Universiti Sains Malaysia (USM).

According to Oppenheimer, 86% of Orang Asli are derived from Founding Sunda Lineages and 14% derived from Founding East Asian Lineages. Meanwhile, 58% of Malays are derived from Founding Sunda Lineages too. Another 38% derived from Founding East Asian Lineages which is from South Chinese and 4% derived from South Asian Lineages which is from India.

From around 15 000 years ago multiple derivative mitochondrial DNA (mtDNA) lines originating in Northern Mainland Southeast Asia (NMSEA) and South China start to expand locally and spread regionally southwards down to the Sunda Shelf.

These mtDNA lines spread down to the Malay Peninsula from NMSEA continued throughout the Holocene until the historic period, joining the ancestors of Orang Asli and Malays.

"The examples we looking at here were collected by lecturer from the School of Health Sciences, USM, Associate Professor Dr Zafarina Zainuddin's group," said Oppenheimer.

Besides that, Oppenheimer said that stone tools buried in Toba volcanic ash at Kota Tampan in the Lenggong Valley at 74 000 years ago may mark the first entrance of modern humans into Southeast Asia.

"This could be the best evidence for the date of monument outside Africa in this region as Lenggong Valley is highly productive respective in early settlements here," he explained.



Professor Stephen Oppenheimer who specialises in genetics research was presenting his mitochondrial DNA findings of ancestries of Mainland Southeast Asian populations in USM during his talk on 6 April 2015.

Masalah cetus inspirasi penyelidikan

Profesor Dr Wan Ahmad Kamil Che Mahmood berkongsi di dalam syarahan umum beliau bahawa kajian bahan baharu perlu bermula dengan potensi kegunaan bahan yang dihasilkan untuk menyelesaikan masalah. Masalah dijadikan inspirasi dalam menjalankan kajian.

"Industri pembinaan menghadapi masalah kerana tidak dapat menjalankan pembinaan ketika hujan. Masalah seperti ini dapat dijadikan satu sebab untuk menjalankan kajian", ujar beliau lagi.

Syarahan umum bertajuk Kimia Bahan:Pelantar Penyelidikan Rentas Bidang dan Inovasi telah diadakan di Dewan Persidangan Universiti (DPU). Rentas bidang yang dimaksudkan ialah rentas antara bidang sains. Ia bukan hanya terhad kepada bidang kimia sahaja.

Kimia bahan adalah satu bidang yang memainkan peranan meluas dalam perkembangan teknologi. Profesor Wan Ahmad Kamil menyatakan perkembangan kimia bahan ini adalah dengan penghasilan zat-zat baharu. Zat-zat ini boleh dimanfaatkan oleh industri.

Zat-zat baharu dapat dihasilkan apabila dua zat berbeza tetapi serasi struktur molekulnya digabungkan melalui proses pengikatan kimia.

"Kanta sentuh adalah contoh produk yang dihasilkan melalui penyatuan dua zat iaitu polimer dan silika. Sifat bahan baru ini yang lut sinar dan mudah dilentur dapat dimanfaatkan dalam industri kanta sentuh", kata Prof Wan Ahmad Kamil.

Prof Wan Ahmad Kamil adalah seorang ahli kimia sintesis tak organik yang telah berkhidmat di Pusat Pengajian Sains Kimia sejak 1986. Kini beliau adalah dekan pusat pengajian dan sehingga kini beliau telah menghasilkan 60 penerbitan penyelidikan.

Kimia bahan adalah satu bidang yang memainkan peranan meluas dalam perkembangan teknologi.

Wayang kulit bukan seni yang pudar



Dalam era globalisasi yang berteknologi tinggi, kita sering melihat generasi muda mengutamakan alat-alat teknologi dalam kebanyakan aspek kehidupan termasuk komunikasi dan hiburan. Sekiranya fenomena yang mengagung-agungkan alat-alat teknologi ini menjadi-jadi dan berterusan, dalam jangka masa panjang, tidak hairanlah permainan tradisional seperti wayang kulit akan semakin dilupai dalam kalangan generasi muda.

Apakah wayang kulit? Wayang kulit merupakan seni teater tradisional yang menggunakan prinsip cahaya dan bayang. Cerita-cerita seperti Ramayana dan Mahabharata dibawa kepada persembahan berbayang pada skrin dengan menggunakan patung kulit. Bayang-bayang daripada patung kulit dimainkan oleh seorang tok dalang dan persembahan selalunya diiringi oleh sekumpulan ahli muzik.

Wayang kulit telah bertapak di Tanah Melayu sejak 400 tahun dahulu. Sebagai rakyat Malaysia, kita sering berpersepsi bahawa wayang kulit dimainkan oleh orang Melayu yang beragama Islam. Akan tetapi, sebelum wayang kulit bertapak di Tanah Melayu, ia sebenarnya dimainkan oleh orang Melayu yang beragama Hindu untuk menyebarkan ajaran dan kepercayaan mereka melalui penceritaan Mahabharata, Ramayana, dan cerita-cerita moral Hindu yang lain.

Selepas kedatangan Islam, kita boleh melihat terdapat perbezaan dan perubahan yang berlaku dalam wayang kulit. Antara pengaruh Islam terhadap wayang kulit termasuk perubahan nama-nama watak patung kulit. Misalnya, nama 'Sita Dewi' telah ditukar kepada 'Siti Dewi' selepas kedatangan Islam. Penggunaan kulit lembu juga digunakan dalam pembuatan patung wayang kulit selepas kedatangan Islam. Menurut pensyarah Pusat Pengajian Seni Universiti Sains Malaysia (USM), juga salah seorang tok dalang wayang kulit Kelantan, Mohd Jufry Yusoff, semasa wayang kulit dimainkan oleh penganut Hindu, patung diperbuat daripada daun bacang dan kulit kambing. Untuk meningkatkan ketahanan patung wayang kulit, pemain Islam mengambil keputusan untuk membuat patung daripada kulit lembu kerana kulitnya yang tebal dan keras. Lebih-lebih lagi, pemain Islam membaca jampi berdasarkan Quran dalam upacara bermain wayang kulit. Beliau juga mengatakan bahawa setiap watak dan alat muzik mempunyai jampi masing-masing.

Empat jenis wayang kulit yang boleh ditemui di Semenanjung Malaysia termasukwayang kulit Kelantan, wayang kulit Melayu, wayang kulit Purwo, dan wayang kulit Gedek.

Tersebar secara meluas di Pantai Timur Semenanjung Malaysia terutamanya di Kelantan, wayang kulit Kelantan disampaikan dalam bahasa Melayu loghat Kelantan, dengan pengaruh bahasa Patani. Asal usul wayang kulit Kelantan ini dikatakan dibawa ke Kelantan melalui Patani. Cerita yang biasanya dimainkan dalam wayang kulit Kelantan ini adalah berdasarkan cerita dalam Hikayat Seri Rama yang diadaptasi daripada epik Ramayana tradisi India. Patung wayang kulit Kelantan diukir dengan kedudukan mengiring dan berdiri atas kenderaan.



[ATAS] Sangkala Vedah (dua dari kanan) cuba menyerang askar pemberontak yang berbaju merah.
[BAWAH] Watak Seri Rama yang berwarna hijau menghampiri watak Pak Dodol dan Wak Long dalam Hikayat Seri Rama.

Wayang kulit Melayu pula disampaikan dalam bahasa Jawa dan diselitkan dengan bahasa Melayu tempatan. Oleh itu, ia dipercayai berasal dari Jawa. Cerita-cerita wayang kulit Melayu ini adalah berdasarkan episod-episod daripada epik Mahabharata, dan juga dipengaruhi oleh cerita Panji. Patung-patung wayang kulit Melayu diukur dengan kedudukan mengiring. Watak protagonis diukir dengan kepala tunduk dan biasanya bertunduk kecil. Watak antagonis yang biasanya kasar dan sombong pula kelihatan mendongak dan berhidungbesar. Walau bagaimanapun, bilangan wayang kulit Melayu kini amat terhad.

Menurut Mohd Jufry Yusoff, salah satu perbezaan antara wayang kulit Kelantan dengan wayang kulit Melayu adalah cerita-cerita yang disampaikan adalah berbeza. Epik Mahabharata disampaikan dalam wayang kulit Melayu tetapi tidak dalam wayang kulit Kelantan. Dari segi patung wayang kulit pula, hidung patung wayang kulit Melayu adalahlebih panjang daripada hidung patung wayang kulit Kelantan. Dari segi cara persembahan, Mohd Jufry juga mengatakan bahawa teknik, cara pergerakan dan ucapan dalam wayang kulit Melayu adalah lebih perlahan daripada wayang kulit Kelantan.

Wayang kulit Gedek pula tersebar di bahagian Utara Pantai Barat Semenanjung Malaysia, terutamanya Kedah dan Perlis. Menurut Mohd Jufry Yusoff, wayang kulit Gedek biasanya ditemui di Kedah dan Thailand. Oleh itu, wayang kulit Gedek disampaikan sama ada dalam bahasa Thai, Siam, atau bahasa Melayu tempatan. Patung wayang kulit Gedek diukir dalam posisi menghadap ke hadapan.

Mohd Jufry mengatakan perbezaan antara wayang kulit Gedek dengan wayang kulit Kelantan yang ketara ialah muka patung wayang kulit. Patung wayang kulit Gedek bermuka penuh manakala patung wayang kulit Kelantan ditunjukkan muka sisi sahaja.

Wayang kulit Purwo pula terdapat di bahagian Selatan Pantai Barat SemenanjunG Malaysia, terutamanya Johor dan dimainkan oleh penduduk keturunan Jawa. Oleh itu, ia biasanya disampaikan dalam bahasa Jawa dan diselitkan dengan bahasa Melayu tempatan. Patung wayang kulit Purwo diukir dalam kedudukan mengiring.

SENI WAYANG KULIT FUSION: SUNTIKAN MODEN STAR WARS

Apabila menyelusuri sejarah wayang kulit di Malaysia, kita akan melihat corak yang hampir sama dalam persembahan wayang kulit seperti penceritaan daripada

hikayat Ramayana atau Mahabhrata, reka bentuk patung yang mempunyai ciri-ciri tradisional Hindu dan muzik yang dimainkan berunsurkan irama tradisional Jawa. Namun, seni ini telah mendapat suntikan moden dengan terbitnya produksi Peperangan Bintang Wayang Kulit (PBWK).

Produksi ini merupakan cetusan idea daripada Chuo Yuan-Ping ataupun lebih dikenali sebagai Tintoy Chuo, pereka kreatif dan pemilik syarikat Rekaan ActionTintoy Sdn Bhd. Pada tahun 2012, anak kelahiran Pulau Pinang ini tertarik dengan seni persembahan wayang kulit setelah membaca buku hasil karya Muhammad Dain (Pak Daim) bertajuk Seni Wayang Kulit Melayu Kelantan. Penerangan mendalam tentang wayang kulit dalam buku tersebut telah mencetuskan idea untuk menggabungkan unsur tradisional dan moden iaitu watak dari filem Star Wars, dengan persembahan wayang kulit tradisional. Bermula pada Mei 2012, bersama-sama rakan baiknya, Teh Take Huat, mereka berdua memulakan proses membuat patung wayang kulit untuk pameran.

Pameran pertama mereka di Designers Weekend Exhibition, Publika, Kuala Lumpur pada tahun 2012 telah mendapat perhatian dan cakap-cakap tentang keunikannya tersebar sehingga diketahui oleh Pak Daim, salah seorang daripada 13 orang tok dalang yang menetap di Kelantan.

"Beliau amat tertarik dengan konsep wayang kulit moden yang diketengahkan dalam pameran saya dan sanggup datang berjumpa saya di Kuala Lumpur untuk melihat sendiri hasil rekaan wayang kulit moden tersebut. Pada waktu inilah timbulnya idea supaya pameran ini dikembangkan kepada persembahan wayang kulit selama 20 minit sehingga satu jam", jelasnya.

Sebelum bersetuju untuk menjadi tok dalang bagi persembahan wayang kulit tersebut, Pak Daim memberikan beberapa syarat kepada Tintoy.

Antara syarat tersebut ialah mempunyai sebuah kumpulan gamelan yang terdiri daripada sembilan hingga 10 pemain, dan harus mempunyai elemen-elemen fizikal seperti kain putih dan unsur pokok kehidupan pada permulaan dan pengakhiran persembahan serta fomat cerita Tok Dalang yang harus dipatuhi.

Tambah Chuo lagi, proses pembentukan watak agak sukar kerana perlu diselarikan dengan konsep tradisional wayang kulit asal, dan juga merujuk karakteristik watak-watak asal dalam filem Star Wars. Misalnya, watak Darth Vader dalam filem Star Wars menjadi Sangkala Vedah dan mereka menambah gigi taring dan juga reka bentuk Minangkabau pada ukiran patung supaya kelihatan lebih kemelayuan.

"Melalui kerjasama daripada ahli pasukan PBWK yang lain, kami telah berjaya membuat persembahan pertama pada Oktober 2013. Persembahan kami selama 20 minit mampu membuatkan penonton kekal di tempat duduk mereka dan paling menarik sekali, penonton kanak-kanak yang biasanya aktif dapat kekal diam sepanjang persembahan tersebut. Selepas persembahan, kami menerima pujian daripada penonton yang rata-ratanya tidak pernah menonton wayang kulit. Penerimaan positif daripada penonton menyedarkan saya bahawa kami berada di landasan yang betul untuk mengekalkan seni ini", jelasnya.

"Perkara yang paling penting ialah membuang perkataan 'pudar' dalam stigma yang sering dikaitkan dengan seni wayang kulit di negara ini", bicara Tintoy sebelum mengakhiri temubual.

Tok dalang di sebalik kelir wayang kulit

"Ambo dop panggil ore tuk silat, tuk jenako, ambo panggil tuk ngulu, ambo sahayo, raja panggil buke tuk bersilat...".

Mendengar sahaja suara tok dalang yang lantang pasti akan membuat penonton teruja untuk menyaksikan jalan cerita disampaikan. Meskipun kepekatan loghat Kelantannya dalam penyampaian cerita mungkin sukar difahami oleh sesetengah penonton, namun kelincahannya memainkan pelbagai watak dengan lawak spontannya mampu membuatkan penonton ketawa tidak kering gusi.

Keistimewaan wayang kulit bukan sahaja daripada penceritaannya yang mempunyai pelbagai elemen emosi yang cuba disampaikan atau dari gerakan patung kulit itu, namun keistimewaan tentang orang di sebalik layar putih yang diterangi sinar cahaya itu ialah tok dalang yang berjaya menyampaikan jalan cerita dengan berkesan serta mudah difahami penontonnya

Dialah pengarah, dialah pelakon, dan dialah pelawak. Sekejap menjadi Seri Rama, sekejap menjadi Siti Dewi dan kadang-kala bertukar menjadi Pak Dogol yang pandai melawak, membuktikan kemahiran tok dalang yang pelbagai dalam bidang lakonan dan tidak boleh dipandang rendah. Kebolehannya dalam mengendalikan wayang kulit sememangnya tidak boleh disangkal.

Walaupun kebiasaannya kita didedahkan bahawa tok dalang adalah seorang lelaki, namun bukan bermakna tiada tok dalang wanita. Menurut pensyarah Pusat Pengajian Seni Universiti Sains Malaysia (USM), Mohd Jufry Yusof yang juga salah seorang tok dalang, pada masa dahulu telah ada tok dalang wanita bahkan mereka adalah antara pengasas wayang kulit pada waktu itu.

Mohd Jufry yang merupakan tok dalang Wayang Kulit Kelantan generasi ketiga meneruskan legasi datuknya, Mamat Ismail.

Datuknya yang merupakan antara tok dalang termasyur pada ketika itu sering dijemput membuat persembahan di kampung halamannya di Bachok, Kelantan. Kesetian dan minat Mohd Jufry mengikuti datuk dan ayahnya membuat persembahan wayang kulit, secara tidak langsung beliau mewarisi kebolehan tersebut.

Bimbang akan seni itu lesap begitu sahaja, beliau menjadi platformnya yang sekarang untuk meneruskan kesenian itu kepada generasi muda yang berminat.

Tok dalang ialah individu yang penting dalam menggerakkan dan menghidupkan seni wayang kulit. Antara kemahiran yang wajib dikuasai oleh seorang dalang tersebut adalah teknik posisi letak tubuh dalang ketika duduk, teknik memegang patung dengan betul seperti melayangkan patung ke *kelir* (layar putih), teknik menghasilkan bayangan pada kelir dengan pergerakan tertentu dan teknik menghasilkan suara yang pelbagai.

Kemahiran yang diperolehi oleh dalang baru kebanyakannya datang daripada pembelajaran berbentuk lisan. Untuk menjadi dalang yang berkebolehan, seorang dalang harus mempunyai pemikiran yang tinggi dan kuat daya ingatan.

Seorang *dalang asli* harus melalui tiga peringkat pembelajaran yang telah digariskan oleh guru mereka. Peringkat tersebut adalah pembelajaran asas, lanjutan dan *perlimau*. Tiga peringkat ini ialah pembelajaran formal bagi dalang terutama bagi mereka yang tidak mempunyai pengetahuan asas dalam kesenian wayang kulit dan kebiasaannya pelajaran asas diajar seawal usia 8 hingga 12 tahun.

Terdapat juga dalang yang dipanggil *dalang tiru* iaitu mereka yang tidak mempelajari kesenian wayang kulit secara khusus seperti pembelajaran formal. Mereka lebih banyak mengikuti pembelajaran secara tidak langsung melalui pemerhatian dan mempunyai kemahiran yang tinggi. Mereka hanya perlu menghadiri upacara *perlimau* iaitu upacara pengijazahan untuk mengiktiraf dalang menjadi dalang asli.

Muhammad Dain atau dikenali sebagai Pak Daim, juga merupakan salah seorang tok dalang bagi Wayang Kulit Kelantan. Beliau telah mula aktif dalam bidang perdalangan sejak tahun 1980 lagi. Menurut beliau pada ketika itu, masih ramai dalang yang mempunyai pengiktirafan atau sudah *diperlimau*.

Jelasnya, dalang yang tiada pengiktirafan ataupun tidak berguru tidak boleh dimasukkan dalam *jurai pewaris.* Hal ini kerana, dalam upacara *perlimau* akan diadakan upacara *sembah guru* iaitu upacara yang menuntut supaya guru menghalalkan ilmu kepada anak didiknya sepanjang proses menjadi dalang.

"Wayang Kulit Kelantan merupakan wayang kulit yang *bertitih* yang membawa maksud hilang seorang berganti seorang. Oleh itu, pewarisnya haruslah dari seorang yang telah menyempurnakan pembelajaran dalam perdalangan," tambah Pak Daim.

Meskipun, peranan tok dalang kelihatan mudah sebagai penghibur di sebalik *kelir*, namun ia tidaklah semudah yang dilihat kerana bakat dan kebolehan seorang dalang perlu diasah dan tidak mudah diperolehi oleh calang-calang orang.

Kemahiran menjadi tok dalang perlu diwarisi oleh generasi kini untuk mengekalkan kesenian wayang kulit pada masa hadapan. Menceburi bidang seni wayang kulit ini adalah suatu usaha untuk mempertahankan keunikan seni budaya warisan Melayu.

Pendekatan baru dalam seni wayang kulit

"Seni, hiburan dan adat seperti wayang kulit boleh diteruskan melalui pendekatan baru berteraskan Islam dalam penceritaan dan karakter. Penceritaan boleh berbentuk sejarah Islam dan elemen pendidikan yang menyelitkan sunnah-sunnah Nabi, maka lebih berbaloi dipersembahkan kerana boleh membangkitkan semangat jihad".

"Pendekatan baru wayang kulit bukan sekadar mempersembahkan ajaran Islam sahaja, sebaliknya boleh menyelitkan unsur-unsur lawak jenaka yang meliputi isu-isu semasa mengikut peredaran masa. Dalam masa yang sama wayang kulit dapat memberi ruang dan peluang kepada masyarakat untuk berhibur", menurut Dr Mohd Nizam Sahad.

Pendekatan baru yang dicadangkan Dr Mohd Nizam Sahad juga selari dengan artikel 'Nik Aziz raps wayang kulit, wants different 'approach', The Star Online pada 22 Mac 2010. Artikel ini menyatakan penceritaan wayang kulit yang berkisar mengenai watak mitos Hikayat Seri Rama tidak memberi manfaat kepada rakyat. Seterusnya mencadangkan satu bentuk pendekatan baru yang menceritakan kisah-kisah pahlawan Melayu seperti Tok Janggut, Mat Kilau, dan tokoh-tokoh agama yang terkenal di negara ini.

Menurut Dr Mohd Nizam Sahad lagi, "Jika masyarakat Pantai Timur minat menonton wayang kulit, ia boleh diteruskan namun Islamisasikan dahulu penceritaanya seperti yang dilakukan oleh Wali Songo kepada masyarakat Jawa. Wali Songo menggunakan budaya hiburan tempatan seperti wayang kulit yang telah diterapkan unsur Islam"

Berikut merupakan dialog ciptaan Sunan Kalijaga (salah seorang Wali Songo) ;"Ooooooooo

kali ilang kedunge

pasar ilang kumandangewong wadon ilang wirangewong jujur malah kojurwong clutak tambah galak

Oooooo…………"Bermaksud ; Sungai sudah tidak berlubuk lagi (kerana kerosakan alam yang mengakibatkan pendangkalan). asar sudah kehilangan gaungnya (kerana rakyat susah hidup dan menjadi miskin). Kaum perempuan sudah tidak punya rasa malu (kerana rosak moralnya).
Orang jujur justeru celaka.
Orang serakah semakin menjadi-jadi (kerana budi baik akan dikalahkan oleh kejahatan, ketidakadilan dan kacau bilau).

Unsur Islam diselitkan dalam wayang kulit sebagai usaha penyebaran dakwah secara simbolik. Penggunaan bahasa Jawa dalam wayang kulit tersebut menyebabkan penerimaan Islam menjadi lebih mudah. Jelas menunjukkan penerapan nilai Islam perlu seiring dengan budaya masyarakat tempatan.

Oleh itu, salah satu cara untuk mengekalkan budaya tradisional Melayu dalam masa yang sama mengikut syariat dan ajaran Islam ialah mengubah jalan cerita dan karakter seperti yang disarankan oleh Allahyarham Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang juga Mantan Menteri Besar Kelantan serta seperti yang telah dilakukan oleh Wali Songo dalam Wayang Kulit Jawa pada suatu ketika dahulu.



SEMANGAT... Joshua Leong, 8 menebuk kulit kambing untuk membentuk ukiran karekter di dalam wayang kulit sambil diperhatikan oleh Saphia Leong, 12 (kakak) dan Ooi Hooi Fung, 38 (ibu) pada Bengkel Pembuatan Wayang Kulit di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Pulau Pinang.

Islam tidak tolak seni dan hiburan



TEKUN...Pensyarah Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia (USM), Jufry Yusof memberikan penerangan tentang patung Bentara Kala di tangannya. Menurutnya, Bentara Kala diperbuat menggunakan kulit kerbau kerana saiznya yang besar

Islam tidak menolak seratus peratus seni dan hiburan selagi tidak bertentangan dengan syariat dan akidah Islam. Sebaliknya Islam mengharamkan seni dan hiburan yang bercanggah dengan syariat dan akidah Islam. Menurut Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Dr Mohd Nizam Sahad, sebelum kedatangan Islam, kebanyakan masyarakat Melayu menganut fahaman animisme, Hindu, Budhha dan lain-lain, maka tidak hairanlah seni wayang kulit mempunyai unsur Hinduisme.

"Islam datang tidak menolak seni dan hiburan jika ritual, upacara, pantang larang dan adat dalam seni tersebut tidak mempunyai unsur khurafat dan mensyirikkan Allah. Namun, hukumnya haram jika pengamal seni mengetahui ritual yang dijalankan adalah berbentuk pemujaan kepada makhluk ghaib, syaitan, jin dan iblis. Contohnya, melakukan upacara memberi santapan kepada jin dengan membakar kemenyan, menyediakan pulut kuning dan telur", jelasnya.

Antara ritual yang masih diamalkan dalam wayang kulit ialah upacara perlimau iaitu peringkat terakhir yang diperlukan oleh tok dalang untuk melengkapkan proses pembelajaran. Upacara ini memerlukan tok dalang mempersembahkan muzik, teknik-teknik yang dipelajari selama ini dalam masa tiga hari berturut-turut. Terdapat ritual yang perlu diikuti seperti sembah guru, buka panggung dan tutup panggung.

Upacara buka panggung dan tutup panggung ialah satu ritual yang bertujuan untuk menghubungkan manusia dengan alam ghaib seperti meminta pertolongan dan perlindungan dengan menyajikan pulut kuning, asap kemenyan, dan telur ayam kampung. Menurut malaysiandigest.com, 5 Januari 2015 yang bertajuk Kelangsungan Amalan Ritual-Buka Panggung Masih Diamal', ritual ini dilakukan untuk membuatkan tok dalang lebih menjiwai atau 'naik sheikh'. Selain itu, tok dalang akan membaca jampi yang tertentu, namun maksud jampi tersebut dikhuatiri kerana sebahagiannya terdapat ayat-ayat al-Quran yang bercampur dengan bukan ayat al-Quran.

Amalan ini menjadi salah menurut Islam apabila seseorang berdoa atau berjampi dengan kalimah selain daripada Allah atau sifat-sifat-Nya atau ayat-ayat-Nya atau perkataan-perkataan yang tidak difahami. Para ulama Islam berdasarkan hadis Rasulullah SAW melarang amalan berjampi atau berdoa dengan sesuatu perkataan yang selain Allah atau ayat al-Quran atau hadis atau bahasa yang difahami dan mempunyai unsur syirik.

Menurut Dr Mohd Nizam Sahad yang juga pensyarah kursus 'Aqidah Islamiyyah: Konsep dan Penghayatan, dalam syariat Islam terdapat jampi atau ruqyah tetapi harus menggunakan ayat-ayat daripada al-Quran, dan perkataan daripada Rasulullah SAW.



Kenali CDAE USM

Profesor Abd Karim Alias, pengarah Pusat Kecemerlangan Akademik dan Penasihatan & Pembangunan Pelajar (CDAE) USM.

Oleh **DEBRA WONG SER LIN**

Sejak beberapa minggu yang lalu, siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) telah berpeluang untuk menikmati jamuan tengah hari percuma sambil menimba ilmu tambahan mengenai topik-topik yang praktikal, seperti pengurusan stres, pengucapan awam dan kemahiran teknologi informasi daripada pensyarah USM secara sukarela.

Siri bengkel yang diberikan nama 'Lunch And Learn' tersebut merupakan buah fikiran Pusat Kecemerlangan Akademik dan Penasihatan & Pembangunan Pelajar (CDAE) USM. Melalui tinjauan peribadi penulis di beberapa bengkel tersebut, didapati ramai siswa-siswi yang tidak tahu tentang kewujudan CDAE sebelum ini. Hal ini telah menggerakkan penulis untuk duduk bersama-sama Prof. Abd Karim Alias, pengarah CDAE, untuk mengenali pusat perkhidmatan tersebut dengan lebih dekat.

Menurut Prof. Karim, CDAE ditubuhkan hasil idea Mantan Naib Canselor USM, Tan Sri Prof Dzulkifli Abdul Razak, untuk menubuhkan sebuah pusat latihan yang khusus untuk staf akademik di USM. Idea tersebut telah disokong oleh beliau dan Penolong Pengarah CDAE, Prof. Hanafi Atan.

"Sebelum CDAE ditubuhkan, USM tiada pusat kemahiran yang disediakan secara khusus untuk staf akademik USM. Kebanyakan pensyarah di sini merupakan pakar bidang dalam industri masing-masing tetapi tidak mendapat pendidikan formal sebagai pendidik. Oleh itu, wujud keperluan untuk latihan staf akademik di USM supaya mereka berupaya mengajar dan berinteraksi secara dinamik dengan pelajar zaman sekarang", jelas Prof. Karim.

Berbekalkan keizinan dan restu Naib Canselor USM, Prof Datuk Dr. Omar Osman, CDAE telah ditubuhkan pada tahun 2012 dan diberikan misi untuk menyediakan program pembangunan professional untuk staf akademik USM.

Daripada satu fungsi kepada pelbagai fungsi

Setahun selepas penubuhan rasmi CDAE, yang dikenali sebagai Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akedemik pada masa itu, Naib Canselor telah memberikan arahan kepada CDAE untuk bergabung dengan Unit Penasihatan dan Pembangunan Pelajar (UPPP). Berikutan gabungan tersebut, nama rasmi CDAE ditukarkan kepada Pusat Kecemerlangan Akademik dan Penasihatan & Pembangunan Pelajar sejajar dengan fungsi barunya.

"Gabungan ini telah menggandakan fokus CDAE, di mana kami bukan sahaja melatih staf akademik, tetapi juga mengambil alih fungsi UPPP yang pada dasarnya memberikan khidmat nasihat dan rundingan program serta menyediakan program untuk membantu siswa-siswi meningkatkan kemahiran mereka", ulas Prof. Karim.

Selain menyediakan program pembangunan untuk staf dan pelajar USM, CDAE juga menerima tanggungjawab untuk tangani plagiat melalui program kesedaran dan pendidikan secara berterusan kepada warga USM.

"Tanggungjawab terbaru kami adalah untuk menyimpan rekod plagiat, yang akan diberikan kepada kami selepas siasatan dibuat oleh pihak yang bertanggungjawab. Rekod plagiat disimpan di bawah unit khas CDAE yang dikenali sebagai Unit Integriti Akademik", jelas Prof. Karim.

Dari aspek pembangunan staf, CDAE telah mengadakan bengkel dan seminar latihan yang terdiri daripada 3 aspek, iaitu teknologi, kaedah-kaedah pengajaran dan penambahbaikan kurikulum, kepada staf akademik USM.

"Pada tahun ini, 160 bengkel latihan telah dirancang dan 20 daripadanya sudah dilaksanakan. Selain itu, kami juga mempunyai tabung latihan staf, di mana staf akademik yang ingin mengikuti kursus, bengkel atau seminar di luar negara untuk meningkat kemahiran dalam bidang mereka boleh memohon bantuan kewangan daripada tabung tersebut," tambah Prof. Karim.

CDAE turut merangka kursus sijil pembelajaran dan pengajaran untuk pensyarah-pensyarah baru, di mana pensyarah-pensyarah baru tersebut perlu lulus kursus yang diadakan selama dua minggu tersebut untuk disahkan dalam jawatan baru mereka.

Untuk pembangunan siswa-siswi pula, selain memperkenalkan siri bengkel 'Lunch and Learn' pada bulan Mac lalu, CDAE juga merangka program-program yang berkaitan intervensi akademik untuk siswa-siswi yang berada pada tahap akademik Percubaan 1 dan 2, dan program peningkatan kemahiran siswa-siswi secara keseluruhannya dengan kerjasama timbalan dekan akademik dan pensyarah di setiap pusat pengajian.

Untuk membantu dalam perlaksanaan program pembangunan staf dan siswa-siswi USM, CDAE mempunyai 5 orang pegawai penyelidikan yang memegang portfolio berasingan, iaitu 'e-learning', pelajar, penerbitan CDAE, pengumpulan data dan pengawasan.

"Tugas utama pegawai penyelidikan di CDAE adalah untuk memantau portfolio yang diberikan dan menjalankan penyelidikan berterusan untuk kenalpasti masalah yang terdapat dalam portfolio tersebut," ulas Prof. Karim.

Menurut Prof. Karim, lebih daripada 700 staf telah menyertai program pembangunan profesional yang dianjurkan oleh CDAE sejak penubuhannya, manakala sistem 'e-learning' yang diterajui oleh CDAE diakses sekurang-kurangnya seminggu sekali oleh 70 peratus siswa-siswi USM.

"Selain itu, CDAE juga telah memperkenalkan sistem kursus terbuka atas talian (open courseware) di mana kuliah terpilih pensyarah yang menyertai sistem tersebut dirakam di dalam dewan kuliah. Kemudian, kuliah tersebut dimuat naik ke dalam laman web ocw.usm.my dengan keizinan pensyarah tersebut untuk diakses secara awam", tambah Prof. Karim.

Walau bagaimanapun, CDAE juga menghadapi cabaran dalam meningkatkan kesedaran staf akademik tentang kepentingan meningkatkan kemahiran penyampaian dan kualiti penyampaian dalam kelas, terutamanya melalui penggunaan teknologi.

"Terdapat pensyarah yang terlalu bergantung kepada pengalaman terdahulu dan kurang sedar bahawa kini, zaman telah berubah dan teknologi dianggap sebagai sebahagian daripada pembelajaran dan pengajaran. Dengan menggunakan teknologi, pensyarah dapat menambah nilai dan mengadaptasi sudut baru dalam pengajaran mereka serta berinteraksi dengan pelajar dengan lebih efektif", ulas Prof. Karim.

Untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam mengenai CDAE serta program-program yang dijalankan sepanjang tahun ini, mereka boleh dihubungi di pejabat CDAE di bangunan C24, Kompleks Cahaya USM, laman web [cdae.usm.my] dan juga melalui laman facebook rasmi CDAE.

ICF brings together various cultures

Oleh **FAN WEI SIN JOYCE**

The International Cultural Fiesta (ICF) was recently organised by the Universiti Sains Malaysia (USM) International Office at the USM Engineering Campus, Nibong Tebal on April 4.

Themed 'Mystic Rhythm', ICF is an event that provides a platform for various countries to promote their respective culture. By involving both local and international students, it aims to instil a better understanding on a diverse culture and its people.

According to the project director, Muhammad Naim Mohd Isa, the ICF was more than just promoting cultural exposure and forging better understanding among students.

"It also improves the relationship between both local and international students, thus encouraging them to participate in upcoming exchange programmes offered by USM and other countries," he said.

Held at Dewan Utama, students from 18 countries such as Japan, South Korea, German, China, Taiwan, India, Indonesia, Iran, Nigeria and Malaysia participated in the event which offered booth exhibition during the day and cultural performance in the night.



THAT'S A WRAP… Crews and participants getting together for a group photo at the end of the event.

Kentaro Miura, who represented Japan, was excited to be part of the big event and had a great time getting to know people of different countries.

"I hope those who visited our booth enjoyed eating our handmade sushi and also trying on the Japanese traditional outfit," said the 20-year-old student who later performed the Sōran Bushi dance, a famous Japanese traditional dance, for the cultural performance.

During the night, the audience were entertained by colourful performances from the countries involved. They were also treated to a special performance by local entertainer, Arja Lee and USM Cultural Officer, Andy Siti Nurhidayah Rahim.USM International Office has made plans to organise programs similar to ICF in the near future which includes Coffee Hour Day and Colour One Malaysia.

Kumpul dana untuk sumbing bibir dan lelangit

Program Run for Cleft yang akan dijalankan pada 16 Mei 2015 di Universiti Sains Malaysia Kampus Kesihatan (USM KK), bertujuan mengumpul dana untuk disalurkan kepada Cleft Lip dan Palate Association of Kelantan (CLAPAK) dan juga Program Bakti Sosial Sumbing Bibir & Lelangit yang melibatkan doktor pakar dari Pusat Pengajian Sains Pergigian (PPSG) USM .

Program kali ini diadakan oleh Persatuan Sains Pergigian USM dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP).

Selain daripada mengumpul dana, program ini bertujuan memberikan pendedahan kepada masyarakat luar mengenai masalah sumbing bibir dan lelangit serta betapa perlunya perhatian diberikan kepada masalah ini.

Menurut pengarah program, Prunella Ubung Deng, dia berharap agar program ini dapat berjalan dengan lancar dan berjaya mengumpulkan dana sebanyak yang mungkin untuk membantu kanak-kanak yang sumbing melalui CLAPAK dan Bakti Sosial Sumbing Bibir & Lelangit.

Exco Publisiti Run For Cleft, Anis Amira Roslan berkata mereka ingin mempromosikan program ini kepada siswa-siswi di Kampus Induk supaya dapat sama-sama membantu mengumpulkan dana atau menyertai acara yang akan diaturkan di Kampus Kesihatan.

"Buat masa ini, acara larian amal akan dijalankan dan jika boleh kami ingin mendapatkan penyertaan daripada Kampus Induk untuk memeriahkan lagi program Run for Cleft", ulasnya kepada Berita Kampus.

Acara larian amal dibahagikan kepada lapan kategori mengikut jantina dan umur dan peserta dari umur 12 tahun sehingga 50 tahun boleh menyertai larian amal ini mengikut kategori masing-masing.

Baktisiswa PERSADA USM rapatkan ukhwah komuniti FELDA

Baktisiswa Permuafakatan Siswa-siswi Felda (PERSADA) Universiti Sains Malaysia (USM) yang bertemakan Jejak Budi Menabur Bakti dan Inteligensi Generasi Baharu mendapat sambutan menggalakkan dari masyarakat Felda Teloi Kanan, Kuala Ketil, Kedah pada 9 sehingga 11 April 2015 yang lalu.

Seramai 39 Fasilitator PERSADA USM, 70 peserta terdiri dari murid tahun 4 sehingga 6 dan 17 keluarga angkat yang terlibat.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program berlangsung ialah Majlis penyerahan keluarga angkat, Ekplorasi yang bertemakan Perlumbaan Coklat, Malam Kebudayaan, 6 modul latihan dalam kumpulan, Slot Motivasi Boom Up oleh Noor Ilham Ismail dan penyerahan surat azam kepada ibu bapa.

Menurut pengarah projek, Nor Fadhilah Mat Jidi, program ini diadakan untuk mendedahkan masyarakat tentang kehidupan di universiti sekaligus menaikkan semangat anak Felda untuk menanam cita-cita untuk ke universiti.

"Objektif program ini ialah menaikkan nama USM di mata masyarakat, menjalinkan kerjasama antara pihak Felda dengan siswa-siswi dari USM terutama dari PERSADA dan menjalinkan ukhwah melalui program penyerahan keluarga angkat", tambahnya lagi.

Menurut Rogayah Abd Rahman, 57 tahun yang merupakan peneroka Felda mengatakan bahawa program ini membantu murid untuk lebih berdikari dan berani tampil berhadapan dengan orang ramai melalui aktiviti yang dijalankan.

"Program ini dapat meningkatkan semangat motivasi kepada murid yang masih berada di alam persekolahan. Meskipun saya kurang penglihatan, saya telah diberikan ruang memberikan motivasi kepada para pelajar melalui aktiviti Slot Motivasi Boom Up", kata Noor Ilham Ismail, Ilmu Kemanusiaan 2, yang merupakan siswa USM kurang penglihatan turut hadir program tersebut.

Tambahnya, program ini membantu siswa-siswi USM untuk mencungkil bakat murid dan memberikan semangat kepada mereka untuk berjaya dalam kehidupan mereka.

"Saya berasa amat gembira kerana aktiviti yang menarik dapat meningkatkan sikap kerjasama, hormat-menghormati dan kita dapat mengetahui kaedah untuk menilai orang lain. Saya belajar sesuatu yang baru yang dapat menyebabkan saya lebih berfikiran terbuka", kata Muhammad Hafiz Abdul Hamid, salah seorang peserta program.

Jelas Nor Fadhilah lagi, program ini menepati tujuan PERSADA untuk membantu murid berusaha dengan lebih gigih dalam mencapai cita-cita.

"Melalui penghayatan modul, pihak waris dapat melihat perubahan kepada anak-anak mereka seperti mereka mudah bergaul kepada rakan-rakan dan tidak malu untuk berada di hadapan orang ramai", tambahnya lagi kepada Berita Kampus.

Program komuniti pupuk kesedaran alam

Berasaskan moto '3R bikin untung, sampah sikit, kita tak sakit', 53 kanak-kanak yang berumur antara 10-12 tahun telah menyertai program kesedaran anjuran siswa-siswi Pusat Pengajian Sains Kajihayat Universiti Sains Malaysia (USM) mengenai bahaya pembakaran terbuka di FELDA Guar Napai, Kedah pada 10 April lalu.

Menurut pengarah projek, Nadthikphorn Kamphol, 22 siswa-siswi telah terlibat dalam program tersebut yang bertujuan untuk memupuk kesedaran dalam golongan muda dengan harapan bahawa kesedaran tersebut akan tersebar di seluruh perkampungan tersebut melalui mereka.

"Dengan kanak-kanak tersebut, kami praktikkan konsep 'bermain sambil belajar' di mana mereka dibahagikan kepada kumpulan kecil dan diberikan tugasan yang spesifik. Semua ini bertujuan untuk menanam kesedaran dalam diri mereka mengenai kepentingan mengurangkan pembaziran sumber alam", katanya.

Jelas Nadthikphorn lagi, mereka telah memilih untuk membuat program kesedaran tersebut di FELDA Guar Napai kerana kampung tersebut tidak pernah menikmati perkhidmatan kutipan sisa pepejal secara berkala seperti di bandar-bandar yang berdekatan dengannya yang menyebabkan penduduk FELDA di situ terpaksa melupuskan sampah mereka menerusi pembakaran.

"Pada kebiasaannya, daun-daun kering akan dibakar sementara sisa pepejal dihantar ke sebuah kawasan di belakang Sekolah Rendah Guar Napai untuk dilupuskan melalui pembakaran. Amalan ini boleh memberikan impak negatif kepada penduduk setempat dan juga alam sekitar," tambah Nadthikphorn yang juga merupakan penduduk asal kampung tersebut.

Menurut pengerusi Gerakan Persatuan Wanita Felda Guar Napai, Puan Mariam Abdul Wahab, program tersebut ialah program pertama yang bertujuan untuk mengatur langkah mengatasi masalah pengurusan sampah yang telah dialami oleh penduduk kampungnya sejak tahun 1984 lagi.

"Kami berasa teruja dengan adanya program sebegini di kampung kami yang kecil ini. Selain itu, saya juga menghargai cadangan siswa-siswi dari USM untuk kami memulakan sebuah persatuan alam sekitar di bawah pengurusan FELDA," ulasnya.

Selain daripada mengadakan program kesedaran tersebut, siswa-siswi yang terlibat juga telah membantu membuka sebuah pusat pengumpulan barangan kitar semula untuk menyenangkan usaha mengurangkan sisa pepejal.

Menurut penasihat projek tersebut, Dr. Khairun Yahya, siswa-siswi yang terlibat dalam projek tersebut merupakan rombongan yang pertama untuk mengambil inisiatif melaksanakan program kesedaran sedemikian.

"Siswa-siswi ini, yang sedang mengikuti kursus Pengurusan Alam Sekitar di bawah penyelarasan saya, telah mencadang, merancang dan seterusnya melaksanakan program kesedaran komuniti bersama warga FELDA ini dengan bantuan kewangan pusat pengajian kami dan khidmat nasihat daripada saya. Saya bangga dengan usaha mereka tersebut," ulasnya.

Deepam beri sinar kepada anak-anak yatim

Malam amal Deepam 2015 yang berlangsung di Dewan Utama, Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia (USM), anjuran Persatuan Kebudayaan India pada 8 April yang lalu telah memberi sinar kepada kehidupan anak-anak yatim di Pusat Jagaan Sinar Ceria, Bukit Mertajam.

Menurut Penolong Pengarah Projek Deepam, Anbalagan Loganathan, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik 2, penganjur menyalurkan sebanyak 40 hingga 50 peratus daripada hasil penjualan tiket malam amal tersebut kepada Pusat Jagaan Sinar Ceria.

"Objektif malam amal ini untuk membantu individu yang kurang bernasib baik telah berjaya dicapai kerana mendapat sokongan daripada warga USM dan masyarakat tempatan", tambahnya lagi.

Siti Haslinda Mohamed Said, Kejuruteraan Mekanik 4, berkata majlis amal ini juga telah berjaya mengeratkan hubungan antara siswa-siswi yang terdiri daripada pelbagai kaum seterusnya memberi ruang kepada mereka untuk mengenali budaya kaum India secara lebih mendalam.

Menurut Vaanitha Letchumanan, dari Institut Latihan Perda (ILP), Nibong Tebal, majlis amal ini adalah satu usaha baik ke arah membantu anak-anak yatim dan selaras dengan tema Deepam 2015 iaitu membawa sinar dalam kehidupan.

"Program sebegini harus dijalankan pada masa-masa yang akan datang agar kehidupan individu yang kurang bernasib baik tidak terbiar", jelasnya lagi.

USM rangkul 3 anugerah dalam Anugerah Tokoh Siswa 2014

Oleh **MOHAMAD HAFIZ ADISMAN**

Universiti Sains Malaysia (USM) merangkul tiga anugerah dalam Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2014 18 April lalu di Dewan Utama Kampus Kejuruteraan, USM.

Anugerah Tokoh Siswa tersebut disempurnakan oleh Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Idris Jusoh.

Majlis juga turut dihadiri Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Dato' Profesor Asma Ismail, Pengerusi Lembaga Gabenor USM, Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan, Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Omar Osman, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tafsir, Naib-naib Canselor Universiti Awam (UA), Timbalan-timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni (HEPA), pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pegawai-pegawai universiti, dan Pengerusi Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan (MPPK), Muhammad Anas Misbahudin.

Anugerah Tokoh Siswa 2014 ialah anugerah yang mengiktiraf siswa-siswi yang telah menunjukkan pencapaian terbaik dalam program-program kepimpinan dan kesukarelawanan yang dilaksanakan di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa.

Anugerah Sukarelawan Alam Sekitar Terbaik digalas oleh Wee Soon Kit, Pengerusi Sekreteriat Kampus Sejahtera. Manakala Anugerah Pemimpin Program Kepimpinan Terbaik (Terbuka) dan Anugerah Tokoh Pemimpin Siswa 2014 yang merupakan anugerah utama pada malam tersebut dirangkul oleh Mohamad Syafiq Kamaruddin, Yang Dipertua, Majlis Perwakilan Pelajar USM.

"Terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang banyak memberi sokongan kepada saya. Namun, sebenarnya kemenangan ini adalah untuk Sekreteriat Kampus Sejahtera. Saya beroleh kemenangan ini kerana mendapat ilmu dan banyak pengetahuan dalam sekreteriat ini", kata Wee Soon Kit, pemenang Anugerah Sukarelawan Alam Sekitar Terbaik kepada Berita Kampus.

Sementara itu, Syafiq melahirkan perasaan syukur dan penghargaan kepada semua pihak yang banyak memberikan dorongan dan sokongan terhadapnya.

"Anugerah ini merupakan hadiah buat ibu, adik-beradik dan arwah ayah yang sentiasa dirindui, rakan-rakan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan serta Majlis Perwakilan Pelajar USM (MPPUSM) sidang 2013/2014 dan 2014/2015 yang sentiasa ada di belakang. Seluruh siswa-siswi USM yang mengkritik, menyokong, memberikan pendapat dan tidak putus-putus memberikan dorongan. Anda sumber inspirasi saya untuk bekerja dengan lebih kuat lagi. Terima kasih semua. Tanpa anda siapalah saya. Teruskan menyokong kami, MPPUSM", tambah Syafiq pula.

YouthsToday tetap minda global di kalangan belia

Mudah bagi siswa-siswi untuk mencari penajaan bagi menganjurkan sesuatu projek apabila Kelab Enactus Universiti Sains Malaysia (USM) berusaha membantu mengadakan program Workshop Start Project With Zero Cost melalui kerjasama YouthsToday Sdn Bhd yang telah diadakan di Dewan Pembangunan Siswa 1 (DPS1) baru baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) YToday Sdn Bhd, Jazz Tan Yee Mei, berkata Youths Today.com ditubuhkan sebagai platform dalam talian pembangunan belia sejak April 2013 untuk membina golongan belia dengan menyokong dan membiayai idea-idea mereka, menjadikannya sebagai projek atau acara.

Hari ini, Youths Today.com adalah platform penajaan yang menghubungkan jenama dan belia melalui penajaan acara.

Sementara itu, Jazz juga berkongsi maklumat kepada siswa-siswi tentang perkara yang ingin dilihat oleh syarikat-syarikat di Malaysia untuk memberi penajaan kepada projek-projek yang akan dianjurkan melalui perkhidmatan platformnya.

"Terdapat enam langkah yang perlu dilakukan oleh penganjur acara bagi mendapatkan penajaan antaranya adalah mempunyai konsep pembangunan, pembangunan idea, perancangan garis masa, mengenal pasti keperluan dan sumber, strategi pemasaran dan bagaimana menguruskan sasaran peserta", katanya.

Menurut Pengarah Projek, Ren Jie, objektif utama program ini adalah untuk membekalkan setiap kelab aluran untuk mendapatkan tajaan bagi aktiviti atau projek dijalankan daripada syarikat terkemuka di Malaysia seperti Chatime Malaysia, Pallas Malaysia dan sebagainya.

Siswa-siswi yang berminat untuk mendapatkan tajaan boleh melayari www.youthstoday.com untuk mengetahui maklumat yang lebih lanjut.

Karnival Amal bantu OKU

Malam Kebudayaan sKarnival Amal (Charity Carnival 2015) anjuran Persatuan Bahasa Tionghua (PBT) Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia berjaya mengumpul RM4,200 untuk membantu golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) di Pusat Kebajikan Insan Penyayang Pulau Pinang atau Penang Handicapped Welfare Association (PHWA).

Menurut Pengarah Projek, Moo Chee Gen, jumlah dermaan tersebut adalah usaha daripada seluruh ahli jawatankuasa dan hasil penjualan tiket malam kebudayaan tersebut.

"Sebagai siswa-siswi, kami berharap aktiviti yang dilakukan bukan hanya setakat memberi peluang kepada siswa-siswi untuk mengasah bakat, tetapi juga bermatlamat untuk membantu masyarakat dan melakukan kerja amal melalui aktiviti yang dianjurkan", kata Moo.

Menurut Penasihat PBT, Profesor Madya Dr. Chong Kok Keong, Charity Carnival 2015 mampu mengasah kemahiran insaniah siswa-siswi dan meningkat kesedaran melakukan kerja amal dalam kalangan masyarakat.

Pelbagai persembahan budaya Tionghua yang menarik disediakan pada malam tersebut. Antaranya termasuk diabolo (yoyo cina), tarian kipas, tarian tanglung, orkestra Cina, seni bela diri shaolin, gendang dua puluh empat perayaan, persembahan nyanyian serta tarian moden oleh siswa-siswi Kampus Kejuruteraan.

Menurut Moo lagi, seramai 100 orang ahli jawatankuasa Charity Carnival 2015 mengambil masa lebih kurang setahun untuk membuat persediaan bagi aktiviti tersebut.

"Kami telah mengadakan beberapa pra-aktiviti sebelum malam kebudayaan ini berlangsung. Antaranya termasuk ceramah amal yang disampai oleh Angelica Lee Sinje, pelakon wanita terkenal Malaysia yang turut adalah pengasas Little Yellow Flower Education Foundation, pertandingan mewarna bagi pelajar sekolah rendah, kempen kitar semula desasiswa, dan juga pameran Hari Kebudayaan Tionghua", tambah Moo.

Lebih kurang 1,000 orang penonton yang menghadiri malam kebudayaan tersebut. Selain sokongan siswa-siswi dari Kampus Kejuruteraan, wakil pelajar dari Persatuan Bahasa Tionghua (PBT) Kampus Induk USM, Sekretariat Kebudayaan & Kesenian Tionghua (USM SKKT), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Chinese Cultural Organisation, Sekretariat Perpaduan Biro Kebudayaan Tiong Hua Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Sekretariat Malam Kebudayaan Hand In Hand Under The Moonlight 2015 Universiti Utara Malaysia (UUM) turut hadir bersama.



MENAKJUBKAN... Louds Percussion Team membawakan persembahan gendang dua puluh empat perayaan yang mencampurkan unsur tarian dalam seni gendang.

Projek impak tinggi diiktiraf KPM

Semua rakan kepimpinan pelajar di Universiti Sains Malaysia (USM) diseru untuk terus memberi sumbangan kepada semua siswa-siswi, masyarakat, negara dan yang paling penting adalah kepada alam sekitar melalui program yang dijalankan.

Perkara ini dikongsi oleh Pengerusi Sukarelawan Kampus Sejahtera USM, Wee Soon Kit yang memenangi Anugerah Sukarelawan Alam Sekitar Terbaik di bawah kategori Kesukarelawanan dalam Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2014.

Wee berkata, setiap usaha yang dilakukan pasti akan memperoleh kejayaan. Setiap siswa-siswi harus sentiasa mengambil berat tentang perkara yang berlaku di persekitaran mereka.

"Siswa-siswi perlu menjalankan tanggungjawab dengan sukarela dan ikhlas terhadap setiap program atau projek yang dijalankan agar mampu memberi kesan yang positif dan holistik", katanya.

Wee berharap agar dapat terus memberi sumbangan kepada semua warga kampus, masyarakat, negara dan yang paling penting adalah kepada alam sekitar.

Wee Soon Kit yang memenangi anugerah tersebut dengan membawa projek Bulan Kecekapan Tenaga dan Think Green di USM dan projek tersebut dikategorikan sebagai program berimpak tinggi dan memberi kesan kepada masyarakat, universiti dan negara.

Anugerah Tokoh Siswa 2014 yang berlangsung pada 18 Mac di Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia dihadiri oleh Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Idris Jusoh, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Dato' Profesor Asma Ismail, Pengerusi Lembaga Gabenor USM, Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan, Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Omar Osman, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tafsir, Naib-naib Canselor Universiti Awam (UA), Timbalan-timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni (HEPA) serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Usaha yang dilakukan pasti akan memperoleh kejayaan. Setiap siswa-siswi harus sentiasa mengambil berat tentang perkara yang berlaku di persekitaran mereka

Hang Tuah, Hang Jebat versi wayang kulit

Oleh **NORSYAFIQAH ZAMAL ISHAK**

Wayang Kulit versi Hang Tuah dan Hang Jebat dijadikan sebagai permainan video yang dimainkan dengan menggunakan alat muzik gamelan iaitu Canang. Permainan video ini adalah projek tahun akhir Muhammad Adib Izuddin M. Ash'ari, Seni 3.

Menurutnya, permainan video ini berkonsepkan rentak dan irama yang dipersembahkan melalui gabungan teknologi terkini dengan alat musik tradisional iaitu canang. Pukulan canang akan berinteraksi dengan perisian komputer dan menghasilkan pergerakan.

"Cara wayang kulit ini dimainkan adalah keistimewaanya kerana pemain tidak memegang patung atau menjadi tok dalang sebaliknya bermain alat muzik gamelan bagi menggerakkan wayang kulit itu", katanya.

"Idea ini tercetus selepas saya membuat penyelidikan mengenai alat muzik gamelan yang digunakan dalam wayang kulit. Kebiasaannya pementasan wayang kulit memberi fokus kepada tok dalang dan patung tetapi saya mahu tonjolkan alat muzik yang digunakan dalam wayang kulit ini juga", jelasnya.

"Wayang Kulit Peperangan Bintang (wayang kulit fusion adaptasi filem Star Wars) adalah inspirasi dan rujukan saya, perbezaanya adalah wayang kulit ini dijadikan sebagai permainan video yang dikawal menggunakan canang", tambahnya.

"Projek ini direka untuk meningkatkan tahap minat kanak-kanak cerebral palsy dalam memainkan alat muzik gamelan selain memberi pendedahan kepada orang ramai terhadap alat muzik tradisional dan wayang kulit", katanya.

Orang ramai boleh merasai pengalaman bermain permainan video menggunakan kemahiran musikal dengan set gamelan dalam versi wayang kulit ini pada 19 hingga 24 Mei 2015 di Pelenggang Cahaya, Universiti Sains Malaysia (USM).

Projek wayang kulit versi Hang Tuah dan Hang Jebat ini adalah sebahagian pameran reka bentuk iaitu sebahagian daripada RINTIS Art Graduation Showcase Pusat Pengajian Seni yang berlangsung daripada 10 April hingga 26 Jun 2015.

Projek ini direka untuk meningkatkan tahap minat kanak-kanak cerebral palsy dalam memainkan alat muzik gamelan selain memberi pendedahan kepada orang ramai terhadap alat muzik tradisional dan wayang kulit

Sunnah Recipe bantu jalani hidup sihat

Pertandingan memasak 'Sunnah Recipe' anjuran Festival Kelestarian Islam (FESKI) telah diadakan pada 3 April lepas yang bermula pada jam 8.30 sehingga 11.30 pagi di Makmal Penyediaan Makanan USM Kampus Kesihatan, Kubang Kerian Kelantan.

Menurut pengarah projek, Siti Hajar Syuhada Ab. Aziz, idea ini berbeza berbanding pertandingan memasak yang lain kerana menggunakan bahan-bahan sunnah seperti kismis, kurma, madu lebah dan minyak zaitun dalam menjaga pemakanan dalam kalangan siswa-sisiwi.

"Pemilihan bahan-bahan sunnah ini digunakan kerana kami ingin memberi pendedahan tentang khasiat dan keunikan pemakanan Nabi Muhammad S.A.W yang berasaskan konsep sihat dan seimbang sekali gus membantu badan kita menjadi lebih sihat dan cerdas", jelasnya.

Program ini terbuka kepada siswa-siswi USM dari tahun satu hingga tahun empat orang luar. Namun, program ini tidak dapat sambutan yang memberangsangkan daripada orang ramai kerana tidak membuat promosi dan meuar-uarkan secara menyeluruh kepada siswa-siswi dan masyarakat setempat.

"Saya amat menggalakkan persatuan-persatuan lain akan mengadakan program sebegini agar siswa-siswi lain dapat pendedahan yang tentang pengamalan makanan sunnah dan keunikan pemakanan Nabi", akhirinya kepada wartawan *Berita Kampus.*

Alam sekitar tanggunggjawab bersama

Penjagaan botani amat penting dan haruslah diturunkan kepada generasi hadapan. Bengkel Biodiversiti yang diadakan di Eco-hub Universiti Sains Malaysia (USM) pada 17 April lalu menekankan kesedaran tersebut kepada siswa-siswi dengan menggalakan siswa-siswi menjadi Eco-friend USM.

Perkara yang ditekankan adalah mengenai cara penjagaan ekosistem. Penjagaan ekosistem amat penting kerana dapat menstabilkan struktur muka bumi supaya kelangsungan hidup dapat dikekalkan. Penjagaan tersebut merangkumi memelihara dan memulihara alam semulajadi di sekitar kampus.

Menurut Pengarah Eco-hub USM, Prof Madya Saad Othman, setiap pokok yang telah ditebang dalam USM akan digantikan dengan tiga anak pokok agar ekosistem USM terus terjaga.

"Pokok-pokok yang tidak dapat dikenal pasti spesisnya juga tidak akan ditebang. Ini kerana, pokok-pokok tersebut mampu memberikan oksigen kepada manusia walaupun tidak menghasilkan buah kepada kita", kata beliau kepada Berita Kampus.

Selain itu, perubahan pembangunan yang dijalankan secara tidak langsung turut mengubah lanskap alam sekitar dalam USM. Pokok-pokok yang dahulunya banyak memberikan manfaat kepada manusia perlu ditanam kembali.

"Pokok-pokok yang ditanam dalam USM juga, sering mendapat perhatian penyelidik dari laur dan dalam negara bagi menjalankan sesuatu kajian", kata beliau.

Profesor Saad juga turut menekankan bahawa kepentingan penjagaan biodiversiti perlulah dijadikan sebagai budaya dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana penjagaan biodiversiti bukan sahaja tanggungjawab individu malah menjadi tangunggjawab bersama.

Pokok-pokok yang tidak dapat dikenal pasti spesisnya juga tidak akan ditebang.

Nikah di usia muda bukan perkara mudah

Nikah di usia muda bukanlah perkara yang mudah. Setiap perkahwinan yang dibina perlu mendapat keredhaan Allah S.W.T dan keluarga untuk mengekalkan ikatan perkahwinan.

Menurut Ustaz Nurul Aswar Nasron sesebuah ikatan perkahwinan akan lebih diberkati jika mendapat keredhaan Allah S.W.T dan restu daripada keluarga masing-masing. Perkahwinan yang didirikan atas dasar cinta mungkin akan musnah kerana tiada keberkatan dan keredhaan dari Allah S.W.T dan keluarga.

"Nikah di usia muda masa ini agak sukar kerana masyarakat masih tidak faham dan takut anak atau pasangan mereka yang belum mempunyai kewangan yang stabil dan masih belajar. Masyarakat hari ini juga mempersoalkan mengapa perlu berkahwin di usia yang muda. Mereka tidak sedar Allah akan permudahkan segala urusan bagi mereka berniat kahwin kerana Allah S.W.T", jelasnya.

"Namun, perlu diingatkan kahwin bukan sesuatu yang mudah. Bagi orang ingin berkahwin perlu membuat persediaan dari segi mental dan fizikal. Antara proses yang perlu ada sebelum berkahwin ialah proses mematangkan jiwa yang akan dicapai dengan menghadirkan diri ke majlis ilmu", tegasnya.

Menurut pengarah projek, Nur Asnida Abd Razak, nikah di usia muda kini sudah menjadi ikutan kerana mereka sudah memahami konsep nikah dan alam rumahtangga. Seperti yang dibincangkan Ustaz Nurul Aswar, nikah di usia muda memerlukan persediaan dari aspek mental dan fizikal agar keluarga yang akan dibina akan menjadi keluarga yang bahagia dan dirahmati. Halangan yang perlu ditempuhi jika berkahwin di usia muda kita perlu seimbangkan antara tanggungjawab sebagai suami isteri dan akademik.

"Seperti yang kita tahu, ibu bapa melarang anak-anak mereka untuk bernikah dengan alasan masih belajar. Oleh itu, sebagai siswa-siswi yang berfikiran terbuka dan rasional harus memandang ia sebagai satu perkara yang positif", akhirinya kepada wartawan *Berita Kampus*.

JAKMAS UMS puji kepimpinan MPDCG

Oleh **NABILAHAISAH TAWANG**

Pertemuan dua hala antara Majlis Perwakilan Desasiswa (MPD) Cahaya Gemilang Universiti Sains Malaysia (USM) dengan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman E Universiti Malaysia Sabah (UMS) mewujudkan perkongsian idea pengurusan dan organisasi desasiswa pada 4 April hingga 6 April lalu.

Pengarah projek, Noor Syuhada Adenan berkata, satu diskusi di antara kedua-dua belah pihak telah berlangsung pada 5 April yang turut disertai oleh pengurusan Desasiswa Cahaya Gemilang. "Majlis Tertinggi MPD Cahaya Gemilang telah menerangkan banyak perkara terutamanya dari segi sistem pentadbiran, kaedah perlaksanaan program dan sistem penempatan di Desasiswa Cahaya Gemilang. Selain itu, kemudahan, kelestarian, dana, jaringan industri, dan cara kawalan siswa-siswa turut dikongsikan bersama JAKMAS UMS", katanya.

Menurut Syuhada lagi, beberapa aktiviti lain diadakan seperti melawati beberapa desasiswa di USM. Mereka juga berkesempatan berbasikal di sekitar kampus bagi melihat keunikan USM yang dikatakan 'universiti dalam taman'. Seterusnya, siswa-siswi dari Borneo tersebut juga dibawa melihat tempat-tempat menarik di Pulau Pinang.

Setiausaha merangkap exco hubungan korporat JAKMAS, Nurul Syazwani Mohamad Ghaazali berpendapat pengurusan USM amat efisien dan teratur telah menarik minat JAKMAS untuk melaksanakannya di kolej kediaman UMS. Seterusnya, kekuatan publisiti MPD Cahaya Gemilang dalam setiap program dilihat memberi penglibatan menyeluruh kepada siswa-siswi USM sama ada di peringkat desasiswa mahupun peringkat universiti.

"Perbezaan struktur pengurusan yang dikongsikan dalam perbincangan tersebut dapat meningkatkan lagi kualiti sesebuah organisasi. Bahkan, kepimpinan yang berkualiti sememangnya akan memberi manfaat yang lebih besar kepada siswa-siswi", ujarnya. Menurut Yang DiPertua MPD Cahaya Gemilang, Hazwanuddin Hanifuddin berkata, manfaat dan ukhwah yang terjalin dalam program ini diharap berterusan di samping menambahkan lagi lebih banyak strategi dan input berguna pada masa akan datang.

Perbezaan struktur pengurusan yang dikongsikan dalam perbincangan tersebut dapat meningkatkan lagi kualiti sesebuah organisasi. Bahkan, kepimpinan yang berkualiti sememangnya akan memberi manfaat yang lebih besar kepada siswa-siswi.

Jom Balik Kampung erat silaturrahim

Program Jom Balik Kampung anjuran Sekretariat Rukun Negara (SRN) dan Sekretariat Rakan Muda (SRM) Universiti Sains Malaysia (USM) erat silaturrahim apabila berjaya mengumpul tujuh persatuan anak negeri pada 12 April 2015 yang berlangsung dari pukul 8 pagi hingga 11 malam di Dewan Utama Pelajar (DUP).

Antara persatuan anak negeri yang menyertai program tersebut ialah Himpunan Anak-Anak Kelantan (HAAK), Persatuan Mahasiswa Terengganu (PERMATA), Perkumpulan Siswa-Siswi Sabah (PERSIS), Perkumpulan Anak-Anak Sarawak (PERKASA), Persatuan Perkumpulan Siswa-Siswi Darul Makmur (PERDAMA), Kumpulan Anak-anak Kedah USM (KAKUSMA) dan Gabungan Anak Pulau Pinang (GAPP).

Menurut Pengarah Projek, Nur Zeida Shafawati Jaafar, program ini adalah julung kali diadakan dan ianya julung kali SRM bergabung tenaga dengan SRN dalam menjayakan program ini.

"Program ini adalah hasil cetusan daripada SRM dan kami (SRM) bergabung dengan SRN lebih banyak mempunyai kepakaran dalam sukan rakyat kerana mereka sudah banyak terdedah dengan teknik permainan dan pengadilan yang mengikut tahap kebangsaan", tambah Zeida kepada Berita Kampus.

Antara 21 sukan yang dipertandingkan ialah Galah Panjang, Ketenteng, Congkak dan banyak lagi dan juara ditentukan berdasarkan keseluruhan permainan.

Nurazydah Sulotoha, wakil dari PERSIS merasakan program sebegini harus diteruskan pada masa hadapan dan pendedahan yang lebih kepada setiap permainan.

"Sekarang tidak semua orang lahir pandai bermain congkak, dengan adanya insentif begini secara tidak langsung sukan rakyat dapat dipelihara dan mahasiswa adalah penggerak utama dalam mencetuskan kesedaran kepada masyarakat", tambahnya lagi.

Juara keseluruhan pertandingan HAAK membawa pulang hamper dan RM200, tempat kedua PERSIS memenangi hamper dan RM150 dan tempat ketiga milik PERMATA yang memenangi hamper dan RM50.

Program Jemputan Terbuka Mark Zuckerberg ke USM

Entrepreneur Action Us (ENACTUS) Universiti Sains Malaysia (USM) dengan kerjasama Youths Today dan ChatTime telah menganjurkan Program Jemputan Terbuka Mark Zuckerberg ke Malaysia di Dewan Kuliah foyer (DK H) pada 6 sehingga 10 April yang lalu.

Program ini merupakan program pertama anjuran ENACTUS bertujuan untuk menjemput Mark Zuckerberg yang merupakan pengasas Facebook ke Malaysia dan memberikan penghayatan kepada siswa-siswi USM supaya mengetahui kaedah berhubung dengan masyarakat dari pelbagai negara melalui media sosial.

Antara aktiviti yang dianjurkan adalah membuka gerai di DK H dan mengadakan penggambaran video untuk menjemput Mark datang ke Malaysia. Penggambaran video ini terbuka kepada siswa-siswi USM. Peserta yang terlibat dengan penggambaran dua video telah diberikan Voucher berjumlah RM 10.

"Pihak ENACTUS telah menyediakan skrip untuk penggambaran video dan para peserta hanya akan membaca dan menjemput Mark datang. Sukar untuk kita melihat mana-mana persatuan di USM mengadakan video untuk menjemput tetamu hadir ke universiti. Oleh itu, aktiviti ini akan membantu siswa-siswi untuk mengetahui dan mengenal dengan lebih mendalam lagi pengasas facebook ini", jelas pengarah projek, Lim Ren Jie.



PENGGAMBARAAN VIDEO terbuka kepada siswa-siswi USM telah mendapat sambutan yang menggalakkan.

"Sambutan dari siswa-siswi amat mengalakkan kerana dalam tempoh sejam kami mendapat 50 orang peserta dari siswa-siswi USM sendiri", tambahnya lagi kepada *Berita Kampus*.

Kilim Geopark Langkawi diiktiraf UNESCO

Kelab Geografi Universiti Sains Malaysia (USM) mengadakan lawatan ke Kilim Geopark Langkawi, Kedah pada 17 hingga 19 April lalu. Seramai 30 siswa-siswi menyertai lawatan tersebut.

Menurut Pengarah Projek, Siti Zubaidah Mahtar, tempat tersebut sangat istimewa kerana mendapat pengiktirafan The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) sebagai salah satu tapak geopark di dunia. Peserta dibawa ke Gua Kelawar, lawatan sangkar ikan, dan sebagainya.

"Program seperti ini patut kerap dianjurkan kerana ia akan lebih mendekatkan siswa-siswi dengan keindahan dan kepentingan alam sekitar. Memandangkan siswa-siswi kini makin jauh dengan kesedaran mengenai kepentingan alam sekitar maka program seperti ini sangat sesuai untuk menimbulkan kesedaran dalam diri mereka", ujar beliau.

Dana diperoleh daripada yuran sebanyak RM150 seorang. Kutipan dana tersebut dibelanjakan untuk pengangkutan, tempat tinggal, makanan dan keperluan peralatan ketika di Langkawi.

"Kami menghadapi masalah untuk mencari peserta kerana penetapan tarikh mungkin tidak sesuai untuk mengadakan lawatan ini. Siswa-siswi sememangnya berminta untuk menyertai tetapi mereka kebanyakannya terlibat dengan aktiviti kokurikulum", tambah beliau.

Beliau berkata, konsep kelestarian yang diamalkan oleh USM sendiri menjadi idea utama mereka memilih Kilim Geopark Langkawi sebagai tempat lawatan kali ini. Idea ini mendapat persetujuan semua ahli Majlis Tertinggi Kelab Geografi di samping menyokong konsep kelestarian yang USM terapkan di kampus.

Gone Girl: Kejahatan tersembunyi



GENRE Ngeri, Psikologi
FILEM Gone Girl:
PENGARAH David Fincher
PELAKON Ben Affleck, Rosamund Pike, Carrie Coon, Neil Patrick Harris,Tanner Bolt
DIULAS OLEH Nurul Khairiah Mohamed Yusof

Filem Gone Girl yang ditayangkan pada tahun 2014 ini mempunyai mesej yang tersembunyi yang mungkin sukar ditelah untuk sesetengah penonton melainkankan anda menontonnya berulang kali. Filem adaptasi dari novel dengan tajuk yang serupa oleh Gillian Flynn (juga penulis skrip untuk filem ini) membuktikan bahawa perkara yang dipaparkan kepada umum kadangkala tidak sama dengan perkara yang berlaku di sebalik pintu yang tertutup.

Filem arahan pengarah David Fincher ini membariskan pelakon-pelakon terkenal Hollywood iaitu Ben Affleck (Nick Dunne), Rosamund Pike (Amy Dunne), Carrie Coon (Margo Dunne) dan Tyler Perry (Tanner Bolt). Kejayaan mereka mendalami watak masing-masing, terutamanya Rosamund Pike sebagai seorang isteri yang mempunyai rahsia tersembunyi membuatkan penonton berteka-teki tentang siapakah dirinya yang sebenarnya.

Perkara yang menarik dalam filem ini ialah bagaimana media memilih untuk mengambarkan Nick sebagai pesalah apabila dirinya kelihatan tidak kesal atas kehilangan isterinya disebabkan kurangnya emosi yang diberikan semasa proses pencarian isterinya berjalan. Amy pula dipaparkan sebagai seorang wanita yang baik dan mendapat simpati daripada segenap masyarakat terutamanya wanita. Tindakan media yang berat sebelah ini juga bukanlah salah mereka sepenuhnya atas sebab masyarakat juga mahukan cerita peribadi dan sensasi, satu realiti yang tidak menyenangkan tetapi hakikatnya berlaku dalam masyarakat kini.

Semasa proses pencarian Amy berjalan, timbul spekulasi yang dimulakan oleh media bahawa Amy sudah mati dan Nick ialah pembunuhnya.

Dalam hal ini , Amy berjaya meraih simpati terhadap dirinya kerana media memaparkan Nick sebagai seorang yang jahat dan curang terhadap isterinya. Apabila imej Nick sudah tercalar, masyarakat mula menghamburkan kata-kata keji dan makian.

Filem ini sememangnya mencabar penonton kerana jalan ceritanya pada mulanya berunsur klise yang selalu dipaparkan dalam filem-filem romantik seperti pertemuan pertama mereka di sebuah parti dan Amy jatuh cinta terhadap Nick atas personalitinya yang menyenangkan. Filem ini juga memaparkan kehidupan pasangan ini pada awal perkahwinan mereka, sewaktu kedua-duanya masih mesra dan memaparkan perkahwinan yang sangat bahagia.

Setelah itu, tabir yang sebenar mula terbuka apabila hubungan perkahwinan menjadi rumit dan mereka mula bertengkar disebabkan Nick kehilangan pekerjaannya sebagai dan Amy terpaksa membiayai kehidupan mereka. Tetapi Amy masih menunjukkan persona seorang isteri yang sentiasa menyokong suaminya sehingga bersetuju untuk mengikut suaminya berpindah dari New York ke kampung halaman Nick di Missouri. Tetapi pada pertengahan filem ini, persona Amy yang sebenar mula terdedah apabila dirinya menghilangkan diri untuk memerangkap suaminya sebagai pembunuhnya sekaligus mahu memastikan Nick dihukum kerana mendapat tahu Nick curang terhadap dirinya. Amy menukar pakaiannya, gaya rambutnya dan memandu kereta yang sukar dijejak oleh pihak polis bagi memastikan rancangannya berjaya.

Filem ini sebenarnya memaparkan hakikat bahawa kejahatan itu tidak mengenal gender. Sifat jahat bermula dengan personaliti seseorang dan bagaimana dirinya dibesarkan. Dalam filem ini, kita mendapat gambaran bahawa ibu bapa Amy mengambil kesempatan terhadap Amy, yang merupakan seorang penulis berjaya. Semasa proses pencarian Amy dijalankan, mereka mampu merancang strategi supaya diri mereka juga mendapat perhatian, berlawanan dengan Nick yang sebolehnya tidak mahu dirinya berada dalam perhatian media.

Filem ini juga memaparkan peranan media yang sangat agresif dan bagaimana kaedah pelaporan berita mampu mempengaruhi khalayak massa untuk mengikut telunjuk diberikan media. Tidak hairanlah jika filem ini telah meraih banyak anugerah di Amerika. Antara anugerah yang berjaya dicapai oleh mereka ialah Anugerah Filem Ngeri Terbaik (People's Choice Award 2015), Anugerah Filem Terbaik, Penulis Skrip Terbaik, dan Muzik Tema Terbaik (Hollywood Film Awards).

Filem seperti ini tidak selalu diterbitkan dan mampu membuatkan penonton sedar akan bahaya mempercayai apa yang dilaporkan tanpa tahu akan cerita sebenar. Mungkin ada di antara kita yang sukar untuk membuang pemikiran konvensional seperti ini namun sebagai penonton yang bijak dan mampu berfikir dengan baik, filem ini seharusnya menjadi satu cara untuk membuang stereotaip dan boleh menjadi pengguna media yang lebih bijak.

Paul Walker hidupkan filem Fast & Furious 7



FILEM Fast & Furious 7
PENGARAH James Wan
PELAKON Paul Walker, Vin Diesel, Michelle Rodriguez, Jason Statham, Tyrese Gibson, Ludacris, Nathalie Emmanuel
DIULAS OLEH Lee Kam Fei


Filem "Fast & Furious 7" mengisahkan tentang Deckard Shaw (Jason Statham) yang berusaha untuk membalas dendam terhadap kumpulan Dom (Vin Diesel). Deckard Shaw telah bertindak membunuh Han Seoul (Sung Kang) di Tokyo dan telah meletupkan tempat tinggal Dominic. Dom telah meminta bantuan daripada Polis Amerika Syarikat dan sebagai timbal balik pihak polis memerlukan bantuan Kumpulan Dom untuk mendapatkan "God's Eye" yang merupakan sejenis cip berteknologi tinggi yang dapat mengesan kedudukan manusia di muka bumi. Kumpulan Dom pula memerlukan cip tersebut untuk memelihara keselamatan keluarga mereka. Akhirnya, Kumpulan Dom telah berjaya mengalahkan Deckard.

Briant (Paul Walker) mendokong watak utama dalam filem ini. Mengikut sejarah, Paul Walker telah membintangi sebanyak tujuh penggambaran filem Fast & Furious. Dalam filem ini, Briant digambarkan sebagai seorang yang tenang, berani, cintakan isteri dan setiakawan. Walau bagaimanapun, Paul Walker telah meninggal dunia dalam satu tragedi kemalangan kereta pada 30 November 2013 yang mengakibatkan rakaman Fast & Furious 7 terpaksa dihentikan seketika. Sejak itu, watak Paul Walker menjadi tumpuan awam apabila penonton tertanya-tanya garapan filem selanjutnya oleh James Wan setelah ketiadaan watak utama.

Filem ini berakhir dengan penutup yang membahagiakan seperti yang diharapkan penonton. James Wan telah membentuk suatu plot pengakhiran yang menyatukan semua ahli keluarga Dom di pinggir pantai California. Ketika itu, Briant telah meninggalkan sahabat-handainya tanpa disedari mereka dan memandu keretanya. Namun, Dom bertindak mengejar Briant dan menyoal tindakannya yang meninggalkan rakan-rakan di pantai. Briant hanya berdiam diri dan Dom mengakhiri kata-kata bahawa Briant tidak akan sesekali meninggalkan mereka. Penutup filem ini berjaya menyentuh hati penonton terhadap Paul Walker yang gigih menjayakan wataknya sehingga meragut nyawanya sendiri. Pengakhiran ini cuba menyampaikan mesej kepada penonton bahawa Briant masih hidup dan kekal bahagia.

Walau bagaimanapun, pada pendapat saya, Fast &Furious 7 sedikit tergugat daya tariknya apabila sebagai penonton saya terkesan dengan masalah bunyi yang mengganggu fokus penonton untuk memahami mesej yang cuba disampaikan. Aksi-aksi dengan bunyi yang kuat, suara yang lantang, perlawanan yang sengit dan letupan yang banyak mengalih fokus penonton untuk lebih menumpukan kepada aksi filem bukannya memahami skrip. Diakui bahawa daya tarikan utama filem ini adalah Paul Walker yang berjaya menjalankan wataknya dengan cemerlang. Namun, saya berpendapat, kematian Paul Walker telah menyekat daya tarikan daripada aspek lakonan watak utama.

Memahami perhubungan daripada perspektif lelaki



JUDUL BUKU Act Like a Lady, Think Like a Man (Edisi Bahasa Melayu)
PENULIS Steve Harvey dan Denene Miller
GENRE Bukan fiksyen
TERJEMAHAN Hasnah M. Daud
DIULAS OLEH Nor Khamisah Saidin

Buku terbitan PTS Professional Publishing Sdn. Bhd ini ialah terjemahan dari buku Act Like a Lady Think Like a Man yang ditulis oleh pelakon, pelawak, personaliti radio, pengacara dan penulis buku Steve Harvey bersama Denene Miller. Buku ini tersenarai dalam jualan terbaik dalam The New York Post pada tahun 2009 serta mendapat anugerah National Association for the Advancement of Coloured People (NAACP).

Act Like A Lady,Think Like a Man mengisarkan siapa sebenarnya lelaki ketika menjalinkan hubungan dengan wanita. Dalam buku ini, Harvey ingin menjelaskan kepada wanita bagaimana lelaki berfikir bagi membantu wanita memahami lelaki dan sekaligus menjayakan perhubungan supaya kekal bahagia. Menurut Harvey, beliau mendapatkan idea untuk menghasilkan buku ini ketika mengendalikan rancangan radio melalui segmen Ask Steve.

Situasi yang diberikan oleh Harvey sudah tentunya lebih menjurus kepada kehidupan pasangan di Amerika Syarikat. Tetapi pencernaan Harvey mengenai lelaki dan perhubungan pasangan boleh dijadikan satu rujukan buat pasangan yang baru menjalinkan hubungan ataupun yang sudah berkahwin.

Lelaki menzahirkan cintanya melalui tiga perkara iaitu memberi kenyataan misalnya memperkenalkan perempuan dicintai sebagai teman wanita dihadapan semua orang, memberikan nafkah dan akhir sekali perlindungan kepada wanita yang dicintai.

Menurut Harvey, gelaran, pekerjaan dan pendapatan lelaki ialah tiga asas yang menjadikan diri lelaki itu sejati. Lelaki akan menumpukan perhatiannya untuk mengukuhkan tiga asas tersebut sebelum dapat memberikan sepenuh komitmen terhadap sesuatu perhubungan.

Harvey juga turut menekankan bahawa pentingnya wanita meletakkan peraturan atau standard terhadap lelaki sebelum menjalinkan hubungan dengan lebih serius. Hal ini bagi memastikan komitmen yang diberikan oleh lelaki itu tinggi atau tidak. Sekiranya lelaki itu bersetuju untuk menjalinkan hubungan walaupun dengan peraturan yang telah ditentukan, lelaki itu boleh memberikan jaminan dalam hubungan yang dijalinkan.

Peraturan 90 hari diperkenalkan oleh Harvey untuk menguji sama ada lelaki itu adalah pilihan wanita atau tidak. Dalam masa 90 hari ini, wanita boleh membongkarkan banyak perkara mengenai lelaki. Menurut Harvey untuk menguji lelaki dalam masa 90 hari, perempuan boleh membuat satu situasi untuk menguji pasangannya. Misalnya apabila kereta si wanita rosak dan dia mengadu keadaannya kepada pasangannya, reaksi yang ditunjukkan oleh lelaki tersebut menentukan sama ada dia sebenarnya mengambil berat terhadap pasangannya atau tidak.

Secara keseluruhan, buku ini memberitahu wanita bahawa persepsi lelaki dan wanita adalah berbeza daripada aspek cinta dan perhubungan. Oleh itu, wanita perlu berkomunikasi dan menetapkan standard supaya lelaki dapat memberi kata putus untuk meneruskan hubungan.





SUKAD 2015 dari lensa Berita Kampus

Sukan Antara Desasiswa (SUKAD) ialah acara sukan bukan olahraga yang diadakan pada setiap tahun di Universiti Sains Malaysia (USM). SUKAD melibatkan 12 desasiswa yang berentap untuk merebut juara. Bagi tahun 2015, hanya tiga fasa sahaja diadakan yang diadakan di ketiga-tiga kampus. Berikut ialah sebahagian aksi-aksi peserta SUKAD fasa kedua yang berlangsung dari 20-22 Mac di Kampus Induk USM. GAMBAR OLEH MUHAMMAD SUHAIB MOHD SHAPIEE





1. HEBAT...Ketua pasukan Restu FC, Sylvester Engkana anak Pillay (jersi biru putih) melepaskan rembatan ke arah gol pihak lawan dalam pertandingan bola sepak peringkat separuh akhir Sukan Antara Desasiswa (SUKAD) di Padang Minden, Universiti Sains Malaysia.
2. Pemain bola baling Desasiswa Cahaya Gemilang (jersi merah jambu) mengawal bola daripada dirampas oleh pemain Desasiswa Jaya (jersi biru gelap) dalam pertandingan akhir bola baling Sukan Antara Desasiswa (SUKAD) di Padang Minden, Universiti Sains Malaysia.
3. Pemain bola baling Desasiswa Fajar Harapan (biru) membuat cubaan untuk menjaringkan gol tetapi dihalang dan diasak oleh dua pemain Desasiswa Nurani dalam pertandingan akhir bola baling Sukan Antara Desasiswa (SUKAD) di Padang Minden, Universiti Sains Malaysia.
4. Pemain Restu FC (jersi biru putih) cuba melepasi halangan daripada pemain Lembaran FC (jersi merah hitam) dalam pertandingan separuh akhir bola sepak Sukan Antara Desasiswa (SUKAD) di Padang Minden, Universiti Sains Malaysia.

Bermain ping pong sambil beramal

Oleh **DEBRA WONG SER LIN**

Pertandingan ping-pong menjadi pilihan untuk beramal oleh peserta pelbagai usia di Gelanggang Ping Pong, Pusat Sukan Dan Rekreasi, Universiti Sains Malaysia (USM) pada 12 April lalu.

Menurut pengarah projek pertandingan tersebut, Nurlisha Ahmad Kader, sukan ping pong menjadi pilihan ahli jawatankuasa projek, yang terdiri daripada siswa-siswi Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP) USM, untuk menggalakkan warga USM untuk beramal dengan cara yang sihat.

"Kami memilih ping pong sebagai aktiviti amal yang sesuai kerana ia sukan yang aktif, menggalakkan kesihatan, dan semua warga USM boleh menyertai sukan tersebut untuk mengenali kawan baru serta mengeratkan hubungan sesama mereka," jelasnya.

Tambah Nurlisha, pertandingan amal ini diadakan untuk mengumpul dana yang akan didermakan kepada beberapa sekolah-sekolah di sekitar Pulau Pinang sebagai komponen kerja kursus dalam subjek PGT203 Kemahiran Komunikasi Dan Interpersonal Untuk Guru yang diambil oleh pelajar PPIP.

Menurut wakil ping pong Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Muhammad Shahmir Hairuddin, penggunaan sukan ping pong untuk tujuan beramal merupakan sesuatu inisiatif yang baik daripada USM dan harus diadakan dengan lebih kerap.

"Melalui pertandingan ping pong amal ini, peserta bukan sahaja dapat beramal, tetapi juga berkenalan dengan peserta lain yang berlainan usia dan kaum. Pertandingan ini membuktikan ping-pong juga mampu menyatupadukan masyarakat sebagaimana sukan-sukan rakyat yang diadakan di universiti saya," ulas Shahmir yang juga mengadakan latihan industrinya di Pulau Pinang.

Ahli aktif Persatuan Wanita USM (PWUSM) Niza Abdullah pula berkata, selain daripada beramal, beliau dapat mengenali warga USM daripada pelbagai latar belakang serta meningkatkan kemahirannya dalam ping pong melalui penyertaannya dalam pertandingan ini.

"Saya dan beberapa rakan-rakan saya di sini daripada PWUSM memang gemar bersukan setiap minggu, dan bagi saya pertandingan ini bagus untuk menggalakkan sikap kompetitif yang sihat, bersenam bersama-sama dan menggunakan masa lapang secara berfaedah," jelas Niza.

Tambah Niza lagi, beliau sentiasa menyokong konsep sukan untuk beramal dan berharap bahawa lebih banyak pertandingan sedemikian dapat dianjurkan oleh USM.

Pertandingan tersebut telah diadakan pada pukul 9 pagi sehingga 3 petang dan terbuka kepada semua.

Pasukan 3.85 juarai Kejohanan Bola Tampar PSF

Kejohanan Bola Tampar Persatuan Sains Fizik (PSF) yang diadakan di Stadiun Universiti Sains Malaysia (USM) baru-baru ini telah disertai oleh tujuh pasukan lelaki dan empat pasukan wanita.

Wakil pasukan daripada Kampus Kejuruteraan iaitu pasukan 3.85 telah menjadi juara dengan kemenangan 25-21 dan 25-17 menewaskan pasukan lawannya, PETAS.

Menurut kapten pasukan 3.85, Muhamad Syamil Rosli, kejohanan ini adalah penyertaan kali kedua oleh pasukannya dan pada kejohanan pertama pasukannya gagal meraih tempat.

"Kejohanan tahun lepas pasukan kami gagal di separuh akhir tetapi pada tahun ini kami bangkit sekaligus menjadi juara mengalahkan pasukan PETAS yang terdiri daripada siswa-siswi antarabangsa", katanya.

Beliau juga berkata persiapan pasukannya diteruskan dan dimantapkan lagi dengan latihan yang lebih kerap selepas pasukannya menyertai Sukan Antara Desasiswa (SUKAD).

Syamil turut mengakui bahawa di permulaan permainan pasukannya tidak begitu serasi kerana menang tipis dengan pasukan lawan namun lama-kelamaan pasukannya bertambah serasi dengan mata yang lebih jauh ke hadapan sehingga ke peringkat akhir.

Beliau berharap agar pasukannya dapat menyertai lagi Kejohanan Bola Tampar PSF pada masa akan datang sekaligus mengekalkan kejuaraan mereka.



TANGKAS... Pasukan 3.85 (kanan) dan pasukan PETAS merebut bola untuk mendapatkan mata bagi pasukan masing-masing di Kejohanan Bola Tampar PSF di Stadium USM baru-baru ini.

PAMAD bawa gusti lengan ke USM



TEKUN......peserta kategori wanita bawah 55 kg berentap dalam perlawanan gusti lengan anjuran Majlis Penghuni Desasiswa Aman Damai pada 11 April bertempat di Desasiswa Aman Damai.

Buat pertama kalinya di Universiti Sains Malaysia (USM), Karnival Pakat Mai Aman Damai (PAMAD) anjuran Majlis Penghuni Aman Damai dengan kerjasama Putrajaya Arm Wrestling Association (PAWA) telah membawakan pertandingan gusti lengan secara profesional ke dalam kampus.

Menurut pengarah projek, Noor Farhana Askar Ali, pertandingan gusti lengan ini pertama kali diadakan di USM bagi memberikan peluang kepada warga USM untuk menyertainya.

"Kami terima 16 orang peserta lelaki dan 12 peserta dalam kategori perempuan. Kami amat teruja dengan jumlah ini memandangkan sukan ini belum pernah diadakan di USM", katanya.

Tambahnya lagi, empat kategori yang dipertandingan ialah kategori lelaki bawah 60 kilogram (kg) dan atas 60 kg, manakala bagi peserta perempuan pula, kategori yang dibuka ialah kategori bawah 55 kg dan atas 55 kg.

Peserta kategori lelaki bawah 60 kg, Shaiful Hairy, berkata bahawa dirinya sangat teruja untuk mencuba sukan gusti lengan dan tidak mudah untuk peluang seperti ini hadir di USM.Tambahnya lagi, penganjur juga menyediakan kursus singkat selama sehari sebelum pertandingan rasmi untuk memberikan penerangan tentang peraturan pertandingan dan teknik-teknik yang betul untuk bergusti lengan kepada para peserta.

Pemenang bagi setiap kategori adalah seperti berikut, Muhamad Hafiz (bawah 60 kg), Lei Wai Kit (atas 60 kg), Lee Yew Wen (bawah 55 kg) dan Ainun Syahida (bawah 55 kg).

Pemenang tempat pertama bagi setiap kategori menerima hadiah wang tunai berjumlah RM150 dan tempat kedua menerima hadiah wang tunai sebanyak RM100.

SUKAN



Minden Tiger tawan Divisyen Dua, tewaskan UIAM 3-0

Pemain UIAM (jersi hitam) cuba memintas bola yang dihantar kepada pemain USM Alyanbaawi Hani Juma (jersi kuning) dalam usaha menyekat pemain itu menyerang kubu pertahanannya. Perlawanan Divisyen Dua bola sepak Liga Institusi Pengajian Tinggi ini memihak USM 3-0 mengalahkan UIAM di Stadium Olahraga Universiti Sains Malaysia. GAMBAR OLEH NORSYAFIQAH ZAMAL ISHAK.

Oleh **MOHAMAD HAFIZ ADISMAN**

Pasukan bola sepak Universiti Sains Malaysia (USM), Minden Tiger memperoleh kemenangan bergaya selepas membelasah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 3-0 di Stadium USM, Sabtu lalu.

Pada saingan itu, babak pertama bermula sengit dengan pasukan tuan rumah melancarkan serangan bertali arus ke kubu UIAM namun berakhir tanpa jaringan. Pun begitu, pada babak kedua menyaksikan kebangkitan pasukan USM apabila berjaya membuka gol pendahuluan melalui rembatan Hani Jumah pada minit ke-65.

Selang 5 minit kemudian, Hamza Mustaffa menambah duka pelawat dengan gol kedua buat pasukan kendalian Ahmad. Tidak menunggu lama, Ahmad Hambali memberikan kemenangan mutlak Minden Tiger pada minit ke-78.

Pada minit terakhir perlawanan, pasukan pelawat cuba bangkit menerusi cubaan penalti namun gawang berjaya diselamatkan oleh kapten pasukan Minden Tiger, Mohd Hafizh Mansor.

Ahmad Norafandy Mohd Yatim, jurulatih pasukan Minden Tiger, menyatakan beliau tidak menjangkakan kemenangan terhadap UIAM kerana sebelum ini pasukan tersebut berada di kedudukan yang teratas dan dilihat sebagai pasukan yang kuat.

"Alhamdulillah, dengan disiplin, kesungguhan pemain serta rezeki yang ada, kemenangan memihak kepada kita. Kemenangan ini membolehkan pasukan USM berada di tangga teratas Divisyen Dua Liga Institusi Pengajian Tinggi (IPT). In shaa Allah, sasaran awal kami buat masa ini ialah untuk menjadi empat pasukan yang terbaik berbaki tujuh perlawanan lagi untuk masuk ke perlawanan akhir", katanya.

Ahmad juga menjelaskan bahawa kekuatan pasukan mereka adalah disebabkan semangat berpasukan, bersikap positif dan juga sentiasa mencuba melalui peluang yang ada. Tambahnya lagi, pemain sangat berdisiplin dan mengikut segala arahan yang diberikan memberikan kelebihan buat mereka untuk memperoleh kemenangan.

"Apa yang saya dapat lihat dalam beberapa perlawanan kebelakangan ini, jaringan yang dihasilkan adalah sekitar minit 70 ke atas menunjukkan kesungguhan dan semangat pemain-pemain kita untuk berjuang habis-habisan dalam sesuatu perlawanan sehingga wisel penamat", jelas beliau.

Tambah Kapten Pasukan Minden Tiger, Mohd Hafizh Mansor, kehadiran Naib Canselor USM, Profesor Dato' Omar Osman pada separuh masa kedua memberikan suntikan semangat kepada pemain bola sepak USM untuk terus berjuang seterusnya memperoleh kemenangan.

"Saya berharap agar pada perlawanan yang seterusnya di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Jengka, Pahang, pasukan kami dapat terus mengekalkan momentum dan membawa pulang tiga mata penuh bagi menutup tirai perlawan pusingan pertama ini", jelasnya kepada *Berita Kampus.*

Hoki UiTM tundukkan USM

Perlawanan Liga Hoki Divisyen 1 pada penutup Ahad lalu menyaksikan Universiti Sains Malaysia (USM) kalah teruk kepada Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan 7-0. Perlawanan tersebut diadakan di Stadium Hoki USM.

Menurut Jurulatih Hoki USM, Dr Jamasafri Saibon, perlawanan tersebut memberikan pendedahan kepada pemain hoki USM yang majoritinya pemain dari tahun satu. UiTM juga merupakan pasukan yang menghuni takhta liga dan kebanyakan pemainnya mempunyai pengalaman di peringkat antarabangsa.

Kapten Pasukan Hoki USM, Ku Azrezal Ku Omar berkata bahawa mereka tetap berjaya mengekang beberapa asakan yang bertali arus ke gawang USM selain melakukan beberapa percubaan berbahaya ke gawang gol UiTM.

"Jurulatih kami tidak memberikan sebarang sasaran yang tinggi untuk USM memenangi perlawanan ini memandang UiTM sebuah pasukan yang hebat. Perlawanan kali ini lebih kepada memberi peluang untuk pemain baru bagi mencari pengalaman", jelasnya lagi.

Dia juga berharap agar pada perlawanan akan datang yang diadakan di Skudai Julai ini iaitu Indoor Hoki MASUM akan berjaya dijuarai mereka, memandang mereka pernah menjuarai piala tersebut pada 2012. Sebagai persediaan, latihan fizikal dan taktikal akan dibuat bagi menghadapi perlawanan Julai ini.

The Jokers timba pengalaman di Liga Ragbi Kedah 2015

Pasukan ragbi Universiti Sains Malaysia yang dikenali sebagai The Jokers telah menyertai Liga Ragbi Kedah 2015 buat pertama kali anjuran Sahoca Rugby Club di Padang Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar baru-baru ini.

Ketua pasukan, Muhd Izzuwan Ahmad Shukri berkata pasukannya berada dalam kumpulan B yang akan menentang bekas juara Liga Ragbi Kedah pada tahun lepas iaitu pasukan Sahoca Black.

"Selain Sahoca Black, 6 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) turut berada dalam kumpulan B dan kumpulan A pula adalah Alor Setar Blues, Kuala Muda Rugby Club, Langkawi Eagles, dan Jerlun Rugby Club", kata Izzuwan.

Menurut Izzuwan, The Jokers mengambil pemain daripada Kampus Induk dan Kejuruteraan seramai 20 orang, bekas pemain The Jokers seramai enam orang dan empat pemain daripada pasukan Penang Barbarian.

"Pada perlawanan pertama, kami kalah tipis dengan pasukan 6RAMD dengan mata 12-10 kerana mereka mempunyai susuk tubuh yang besar berbanding pasukan kami", kata Izzuwan lagi.

Selain itu, ini merupakan pemilihan dan persediaan pasukan The Jokers untuk menghadapi pertandingan ragbi peringkat Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2015 dengan memberi peluang kepada siswa tahun satu menimba ilmu dan corak permainan.

"Saya berharap pemain baru dapat serasikan diri dengan corak permainan dengan pemain lama yang lebih berpengalaman dan terus berusaha untuk menjuarai Liga Ragbi Kedah 2015 walaupun sukar", kata Izzuwan kepada Berita Kampus.

Ketua pasukan, Muhd Izzuwan Ahmad Shukri berkata pasukannya berada dalam kumpulan B yang akan menentang bekas juara Liga Ragbi Kedah pada tahun lepas iaitu pasukan Sahoca Black.